



پلیٹا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.02 | SUBUH 5.12 | SYURUK 6.30 | DUHA 6.52 | ZUHUR 12.32 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.42 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 29

8 MAC 2023 / 1444 ١٥ شعبان

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsabnallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tität Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muhamarram 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

40 keluarga mualaf terima sumbangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Kebajikan Mualaf) dengan kerjasama Persatuan Mualaf seluruh negara mengadakan Projek Fathul Barakah 4.0 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama memberi infak berupa makanan asasi untuk keperluan mualaf yang memerlukan, hari ini.

Seramai 40 keluarga mualaf dari seluruh negara menerima sumbangan tersebut yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan sumbangan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Lebih 400 infak telah berjaya dikumpul melalui projek berkenaan yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah iaitu di PDI, Kampung Pulaie; Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong; Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong secara pandu lalu pada 25 dan 26 Februari 2023 lalu.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Muhammad Fuad bin Matahir, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengurus Majlis.

>> Muka 17

MANISNYA IMAN ایمان

DARIPADA Mu'az bin Jabal Radiallahuunhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang maksudnya : "Allah menjenguk datang kepada semua makhluk-Nya pada malam Nisfu Syaaban, maka diampunkan dosa sekalian makhluk-Nya kecuali orang yang menyekutukan Allah atau orang yang bermusuhan".

TEROKA KERJASAMA PELBAGAI BIDANG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghadiri Sidang Akbar bersama Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan selepas Majlis Penandatanganan Dokumen-dokumen Perjanjian. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Khartini Hamir

ANKARA, REPUBLIK TÜRKİYE, Selasa, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menzahirkan perasaan

gembira dengan kemajuan yang dicapai antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Turkiye sejak Keberangkatan Negara terakhir baginda pada tahun 2012, iaitu dalam bidang pendidikan, pertahanan serta kerjasama perdagangan dan ekonomi.

>> Muka 2

Titik beratkan keamanan, kemakmuran negara

Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Anggaran Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di bawahnya dirangka dengan memberikan penekanan kepada matlamat dan keutamaan perbelanjaan yang mendukung Tema Belanjawan negara Tahun Kewangan 2023/2024, 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur'.

JPM sebagai agensi utama dalam meneraju dan menyelaras pelaksanaan fungsi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menjunjung sepenuhnya hasrat titah baginda, dalam terus meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan awam yang akan memangkin pembangunan perekonomian negara yang berdaya tahan, serta menjaga kepentingan, keamanan, dan keharmonian negara yang meliputi rakyat dan penduduk negara ini, selaras jua dengan visi Pelan Strategik JPM, iaitu 'Kepimpinan Dan Urustadbir Yang Cemerlang' dan juga matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 9

Belanjawan BND5.96 bilion bagi Rang Undang-Undang 2023 dibentangkan

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Sebanyak BND5.96 bilion telah diusulkan bagi Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan 2023 / 2024 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin

Liew bin Abdullah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi hari ketiga yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi petang, di sini.

>> Muka 14

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei @pelitabrunei @pelitabrunei

Berita Utama



MAJLIS Penghargaan, Penyampaian Hadiah Mahrajan Bahasa Arab

Muka 18



ACARA keagamaan semarakkan malam Nisfu Syaaban

Muka 19



SOUTH East Asia Conference of Commandants dirasmikan

Muka 23



Warisan

MENGIMBAU kembali keunikan seni anyaman

Muka 28

5 DOKUMEN PERJANJIAN DIMETERAI

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

ANKARA, REPUBLIK TÜRKİYE,
 Selasa, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat bersama Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan ke Majlis Penandatanganan.

Dokumen-dokumen Perjanjian. Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi lima dokumen perjanjian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Türkiye.

Penandatanganan dokument perjanjian pertama ialah Protocol

on Cooperation between the National Archives of Brunei Darussalam and the Directorate of State Archives of the Presidency of the Republic of Türkiye yang mana dokumen perjanjian tersebut menggalakkan penyelidikan dan bertukar-tukar sampel dokumen arkip yang diterbitkan semula, pertukaran pakar dalam bidang arkip, pertukaran bahan terbitan mengenai pengurusan arkip, serta menganjurkan mesyuarat saintifik atau teknikal.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum of Understanding for Cooperation in the Field of Higher Education between the Council of Higher Education of the Republic of Türkiye and the Ministry of Education Brunei Darussalam.

Teroka kerjasama pelbagai bidang

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 1

Kedua-dua buah negara berhasrat untuk mengukuhkan lagi bidang-bidang ini melalui lebih banyak pertukaran antara masyarakat dan mengalaukan pemeteraian lima dokumen perjanjian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sedemikian semasa berkenan menghadiri Sidang Akhbar bersama Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan selepas Majlis Penandatanganan

Dokumen-dokumen Perjanjian Di samping itu, baginda juga menawarkan para pelajar Türkiye untuk melanjutkan pengajian mereka di Brunei di bawah Biasiswa Kerajaan NBD.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa baginda dan rakyat NBD menzhirkir ucapan takziah yang amat mendalam kepada rakyat Republik Türkiye berikutnya musibahgempa bumi yang dahsyat terjadi baru-baru ini, dan NBD bersedia untuk menghulurkan bantuan dalam apa jua cara sekalipun.

Dalam mengiktiraf pengalaman dan kepakaran Türkiye yang meluas, Kebawah DYMM juga

mengalaukan kerjasama dalam bidang-bidang baharu seperti seni dan budaya serta dalam industri agri-makanan.

Di samping itu, lokasi NBD yang strategik di Asia Tenggara dan pembangunan pesat di Pulau Borneo memberikan banyak peluang-peluang pelaburan untuk diteroka bersama oleh kedua-dua pihak.

Pertemuan bersama Presiden Republik Türkiye ini, jelas baginda, antara lainnya meliputi pelbagai isu-isu dua hala serta perkara-perkara serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama seperti perkembangan di ASEAN,

peranan Türkiye dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) serta usaha-usaha ke arah pengantaraan aktif dalam Konflik Rusia-Ukraine.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM percaya bahawa hubungan dua hala antara NBD dan Republik Türkiye berada dalam kedudukan yang baik untuk terus berkembang lebih kukuh, dan seterusnya mengucapkan penghargaan kepada TYT Presiden atas perbincangan dan pertukaran-pertukaran pandangan yang berharga serta perkongsian ikatan persahabatan peribadi yang mendalam dan erat.

Terdahulu sebelum itu,

Presiden Republik Türkiye, TYT Recep Tayyip Erdogan, dalam ucapannya, antara lainnya mengongsikan bahawa perbincangan komprehensif mengenai hubungan dua hala akan dapat memajukan lagi kerjasama serta mengukuhkan pertukaran antara masyarakat.

Kedua-dua pemimpin juga membincangkan isu-isu global dan menekankan kepentingan alam meningkatkan kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Akhir sekali, TYT merakamkan penghargaan di atas solidariti yang ditunjukkan oleh NBD kepada Republik Türkiye dalam masa yang mencabar ini.

WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
8	RABU	15	5.02	5.12	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	KHAMIS	16	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.45	6.33	7.42
10	JUMAAT	17	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
11	SABTU	18	5.01	5.11	6.28	6.51	12.32	3.44	6.32	7.41
12	AHAD	19	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	ISNIN	20	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	SELASA	21	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.42	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
30 °C	30 °C	31 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Pekan Bangar		
30 °C	31 °C	30 °C
23 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
30 °C	31 °C	30 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Kuala Belait		
30 °C	30 °C	29 °C
24 °C	24 °C	25 °C
WallahuAlam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

SIDANG PENGARANG

8 MAC 2023

Bersikap proaktif untuk majukan negara

MESYUARAT Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 masih lagi berlangsung tetapi apa yang menariknya ialah isu-isu yang dibincangkan menjentik fikiran kita untuk sama-sama memikirkan ke mana hala tuju belia kita akan datang? Bagaimana mereka akan mampu menghadapi cabaran baik dari segi ekonomi, pendidikan jika tidak dikukuhkan dari sekarang.

Pengangguran akan terus berlaku sekiranya mereka tidak berusaha mencari alternatif baru membina kerjaya sendiri atau menceburkan diri dalam bidang kegiatan ekonomi di samping dapat berperanan memberi peluang pekerjaan kepada golongan lain.

Isu pengangguran mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jelas baginda, kadar pengangguran boleh dikurangkan, sebagaimana telah dicapai sebelum ini, iaitu kadar pengangguran menurun kepada 4.9 peratus pada tahun 2021 berbanding 7.3 peratus pada tahun 2020 dengan adanya kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak yang berkepentingan.

"Kerajaan beta melalui Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) sentiasa merancang dan melaksanakan beberapa strategi melalui pendekatan Whole of Government and Whole of Nation supaya kebajikan dan kepentingan para pencari kerja tempatan diperkasa dengan latihan semula, dan peningkatan ilmu pengetahuan untuk memudahkan mendapat pekerjaan."

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa berusaha, merancang dan melaksanakan beberapa strategi bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran anak-anak tempatan agar mereka dapat menyumbang bakti dan tenaga untuk negara ini. Ini dapat dilihat apabila pihak kerajaan juga telah memperkenalkan program SkillsPlus yang mana program ini telah dilaratkan kepada empat sektor baharu iaitu Sektor Tenaga, Pembinaan, Pengangkutan dan Logistik, dan HSE.

Selain itu, belia juga perlu peka dengan keadaan ekonomi kini yang menunjukkan keadaan di mana sungutan orang ramai mengenai inflasi berlaku di seluruh dunia. Oleh itu, para belia juga wajar untuk memperbaiki taraf kehidupan dengan berbuat sesuatu yang boleh meningkatkan ekonomi negara seperti menceburkan diri ke perniagaan dan perusahaan sendiri. Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentuk 97.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020. Pihak Darussalam Enterprise (DARE) telah dan akan terus menyediakan skim bantuan dan program latihan serta khidmat nasihat untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh PMKS. Mereka yang berminat dalam bidang perniagaan perlu merebut peluang ini untuk meningkatkan kualiti kehidupan dalam kita menuju Wawasan Brunei 2035.

Justeru, manfaatkan ilmu pengetahuan yang diperolehi ditambah lagi dengan minat dan kemahiran yang ada untuk menceburkan diri ke perniagaan. Tidak mustahil mereka ini akan berjaya dan berpeluang mengembangkan perniagaan mereka hingga ke luar negeri dan seterusnya dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

5 dokumen perjanjian dimeterai

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 2

Menandatangani dokumen tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, manakala Kerajaan Republik Türkiye diwakili oleh Director of State Archives of the Presidency of the Republic of Türkiye, Prof. Dr. Ugur Unal.

Setelah itu, penandatanganan bagi Memorandum of Understanding for Cooperation in the Field of Higher Education between the Council of Higher Education of the Republic of Türkiye and the Ministry of Education Brunei Darussalam yang bertujuan untuk mewujudkan rangka kerja institusi bagi kedua-dua negara untuk menganjurkan pertukaran akademik dan saintifik antara pendidikan tinggi kedua-dua pihak.

Majlis Penandatanganan tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM, dan President of the Council of Higher Education of the Republic of Türkiye, Prof. Dr. Erol Özvar, bagi pihak Kerajaan Republik Türkiye.

Seterusnya penandatanganan Declaration of Intent between the Ministry of Defence of Brunei Darussalam and the Ministry of National Defence of the Republic of Türkiye on Defence Cooperation yang mana Declaration of Intent (Dol) tersebut adalah untuk mewujudkan rangka kerja kerjasama pertahanan dengan tujuan untuk meningkatkan dan membangunkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Majlis Penandatanganan

tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan President of the Defence Industry Agency of the Presidency of the Republic of Türkiye, Prof. Dr. Ismail Demir, bagi pihak Kerajaan Republik Türkiye.

Turut dimeterai, Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Türkiye on Cultural Cooperation yang mana dokumen perjanjian ini akan memudahkan dan menggalakkan kerjasama bersama dalam bidang muzik, teater, arkib, perpustakaan, muzium, warisan budaya, tarian, seni visual, filem, hak cipta, kraf rakyat, seni hiasan dan gunaan, sarkas dan bentuk-bentuk seni yang lain.

Memorandum Persefahaman tersebut ditandatangani oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Minister of Culture and Tourism, Tuan Yang Terutama Mehmet Nuri Ersoy, bagi pihak Kerajaan Republik Türkiye.

Terakhir, penandatanganan Memorandum of Understanding between the Ministry of Foreign Affairs Brunei Darussalam and the Ministry of Foreign Affairs of the Republic of Türkiye on Bilateral Consultations yang mana ia bertujuan untuk menginstitusikan perundingan dua hala dan mengadakan pertukaran pandangan secara tetap mengenai isu-isu yang berkepentingan bersama untuk mengukuhkan kerjasama dua



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Presiden Republik Türkiye, TYT Recep Tayyip Erdogan menyaksikan Majlis Penandatanganan Declaration of Intent between the Ministry of Defence of Brunei Darussalam and the Ministry of National Defence of the Republic of Türkiye on Defence Cooperation (atas) dan Majlis Penandatanganan Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Türkiye on Cultural Cooperation (bawah).



hala dalam mencapai matlamat bersama.

Majlis Penandatanganan tersebut disempurnakan oleh

Minister of Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM, dan

Minister of Foreign Affairs, Tuan Yang Terutama Mevlut Cavusoglu, bagi pihak Kerajaan Republik Türkiye.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama TYT Presiden Republik Türkiye menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum of Understanding between the Ministry of Foreign Affairs Brunei Darussalam and the Ministry of Foreign Affairs of the Republic of Türkiye on Bilateral Consultations (atas dan atas kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat bersama TYT Presiden Republik Türkiye menyaksikan Majlis Penandatanganan dokument perjanjian Protocol on Cooperation between the National Archives of Brunei Darussalam and the Directorate of State Archives of the Presidency of the Republic of Türkiye.



Berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Negara bagi meraikan Keberangkatan Negara baginda ke Republik Türkiye yang dihoskan oleh Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan di Presidential Palace (atas dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

ANKARA, REPUBLIK TÜRKİYE, Selasa, 7 Mac. - Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap

Negara bagi meraikan Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam ke Republik Türkiye yang dihoskan oleh Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan di Presidential Palace.



HUBUNGAN DUA HALA NBD-TÜRKİYE TERUS DIPERKUKUHKAN

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pekarangan Presidential Palace dialu-alukan oleh Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan (kanan). Sementara kanan sekali, kedua-dua pemimpin menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam.

ANKARA, REPUBLIK TÜRKİYE, Selasa, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, memulakan Keberangkatan Negara ke Republik Türkiye dengan



berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Negara yang berlangsung di Presidential

Palace, Ankara. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam di pekarangan Presidential Palace dialu-alukan oleh Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.

Majlis dimulakan dengan kedua-dua pemimpin menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam.

Majlis diteruskan dengan pemeriksaan Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Turkish Armed Forces.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya disembahkenalkan kepada Pembesar-pembesar Republik Türkiye, diikuti dengan ahli-ahli rombongan delegasi Negara Brunei Darussalam juga dikenalkan kepada Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa pemeriksaan Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Turkish Armed Forces.

>> Muka 5

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Turkish Armed Forces.



>> Muka 4

Kedua-dua pemimpin seterusnya beredor bagi Majlis Perjumpaan Empat Mata dan diikuti dengan Mesyuarat Dua Hala.


Semasa Mesyuarat Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan TYT Presiden Republik Türkiye

antara lainnya menyentuh mengenai perkara-perkara memperkuatkannya kemajuan dalam hubungan dua hala yang berkepentingan bersama bagi kedua-dua buah negara, termasuk kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan,

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa disembahkenalkan kepada pembesar-pembesar Republik Türkiye (kiri), sementara gambar kanan, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan juga dikenalkan kepada ahli-ahli rombongan delegasi Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH DYMM berkenan bersalaman bersama TYT Presiden Republik Türkiye pada Keberangkatan Negara berkenaan (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM bersama TYT Presiden Republik Türkiye pada Majlis Perjumpaan Empat Mata.



>> Muka 5

KEBAWAH DYMM dan TYT Presiden Republik Türkiye semasa Mesyuarat Dua Hala tersebut, antara lainnya menyentuh mengenai perkara-perkara bagi memperkuatkkan kemajuan dalam hubungan dua hala yang berkepentingan bersama bagi kedua-dua buah negara (kiri dan kanan).

BERANGKAT KE UPACARA MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga yang bertempat di Anitkabir, Ankara (atas kiri, atas kanan dan bawah).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

ANKARA, REPUBLIK TÜRKİYE,
Selasa, 7 Mac. - Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam, hari ini,
berkenan berangkat ke Upacara
Meletakkan Kalungan Bunga yang

bertempat di Anitkabir,
Ankara, dalam atur cara
berasingan yang diadakan pada
sebelah petang.

Keberangkatan tiba Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam di

Anitkabir dijunjung oleh
Commander of Anitkabir, Colonel
Ümit Yücelen.

Baginda seterusnya dijunjung
untuk meletakkan kalungan
bunga ke mausoleum
berkenaan.

Juga hadir ialah Minister of
Industry and Technology, Republik
Türkiye, Tuan Yang Terutama

Mustafa Varank.

Anitkabir, dibuka secara rasmi
pada 1 September 1953 adalah
sebuah mausoleum yang
didedikasikan kepada Mustafa
Kemal Atatürk, yang merupakan
seorang pemimpin semasa
Turkish War of Independence,
pengasas dan juga Presiden
Republik Türkiye yang pertama.



BERANGKAT TIBA DI REPUBLIK TÜRKİYE



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Esenboga dialu-alukan oleh Minister of Industry and Technology Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Mustafa Varank (atas dan kanan).



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

ANKARA, REPUBLIK TÜRKİYE,
Isnin, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di Ankara bagi mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Türkiye pada 6 hingga 9 Mac 2023.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Esenboga dialu-alukan oleh Minister of Industry and Technology Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Mustafa Varank. Juga hadir bagi menjunjung

keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Mohammad Shafiee bin Haji

Kassim.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Türkiye telah dijalin pada 27 Jun 1984 dan sejak itu, kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama yang meluas dalam pelbagai bidang seperti perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kebudayaan, dan pertahanan.

Keberangkatan Negara Kebawah DYMM ke Republik Türkiye ini mengesahkan semula hubungan dua hala yang mesra antara NBD dan Republik Türkiye, dan seterusnya mempromosikan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua buah negara.

Kali terakhir Kebawah DYMM berangkat ke Republik Türkiye bagi Keberangkatan Negara adalah pada 7 hingga 11 April 2012.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Ankara bagi mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Türkiye pada 6 hingga 9 Mac 2023.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra semasa keberangkatan berkenaan (kiri dan kanan).



KEBERANGKATAN NEGARA KEBAWAH DYMM KE REPUBLIK TÜRKIYE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Republik Türkiye bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang akan berlangsung pada 6 hingga 9 Mac 2023 (atas dan bawah).



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat ke Republik Türkiye bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang akan berlangsung pada 6 hingga 9 Mac 2023.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (kanan). Manakala gambar kanan sekali, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



TITIK BERATKAN KEAMANAN, KEMAKMURAN NEGARA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Belanjawan Negara yang telah ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan mukadimah mengenai fokus belanjawan JPM bagi Tahun Kewangan 2023/2024 semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi

hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, pada mesyuarat tersebut Yang Berhormat bagi pihak JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia bagi penyediaan peruntukan sebanyak BND573,189,035.00 (Lima Ratus Tujuh Puluh Tiga Juta, Seratus Lapan Puluh Sembilan Ribu dan Tiga Puluh Lima Ringgit).

Pada mesyuarat tersebut Yang Berhormat juga memanjanjikan rasa syukur ke hadrat Allah

Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya juga mereka dapat bersidang di dewan yang mulia tersebut dalam suasana syura yang membolehkan percambahan fikiran dan perbincangan secara bersemuka.

Jelasnya, selama tiga tahun kebelakangan ini, mereka telah sama-sama menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran dan ketidakpastian semasa melalui waktu pandemik di negara ini.

"Setentunya, kejayaan pemulihan kehidupan seharian yang dinikmati tidak akan tercapai tanpa ada nya kurnia nikmat dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyampaikan hasrat murni baginda untuk memelihara keamanan dan mempertingkatkan kemakmuran negara dengan cara bersepudu dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta setiap lapisan masyarakat.

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menitberatkan kepentingan pendekatan Whole of Government dan pendekatan senegara atau Whole of Nation Approach," ungkap Yang Berhormat.

Dalam perkara ini, jelasnya, JPM sentiasa dan secara berterusan bersiap sedia melaksanakan peranan selaku agensi utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyampaikan hasrat murni baginda untuk memelihara keamanan dan mempertingkatkan kemakmuran negara dengan cara bersepudu dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta setiap lapisan masyarakat.

>> Muka 1

Sehubungan itu, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menyasarkan pelaksanaan Anggaran Perbelanjaannya berasaskan usaha-usaha yang mendukung tiga keutamaan

Mutu Perkhidmatan Awam terus dipertingkatkan

Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di bawahnya akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan.

Agensi-agensi keselamatan negara akan sentiasa bekerjasama melalui pendekatan Whole of Government dan

Whole of Nation, iaitu dengan bekerjasama dengan orang awam dalam sama-sama menjaga kesejahteraan, keselamatan dan keamanan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, menyatakan mengenai keutamaan pertama iaitu Memelihara Kesejahteraan Awam yang merupakan salah satu dari tiga keutamaan semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat, JPM akan terus meningkatkan dan memperbaiki mutu Perkhidmatan Awam demi mengekalkan dan meningkatkan keselamatan awam dan pematuhan kepada kedaulatan undang-undang.

"Salah satu inisiatif untuk memastikan operasi yang lebih lancar dan peningkatan keberadaan agensi-agensi tersebut di seluruh negara adalah melalui inisiatif penyewaan kenderaan dan motosikal di bawah projek Perancangan Perolehan Aset Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri," jelas Yang Berhormat.

Dalam pada itu tambahnya, JPM juga akan mentauliahkan sistem pemantauan National Coastal Surveillance System (NCSS) pada tahun ini yang mana ia akan mengukuhkan lagi keupayaan atau capability agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di NBD untuk menumpaskan kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku di kawasan perairan dan maritim negara.

Dari segi perundangan pula, Yang Berhormat menerangkan bahawa mahkamah-mahkamah telah mengambil inisiatif melalui Jabatan Kehakiman Negara

dengan menggunakan kaedah teknologi untuk memastikan pemprosesan kes-kes akan sentiasa berjalan seperti yang dialami semasa pandemik COVID-19 selain akan mengambil inisiatif berterusan untuk menggunakan teknologi bagi mempercepatkan dan meningkatkan keberkesanan dalam menyelesaikan kes-kes, di samping Pejabat Peguam Negara juga tidak ketinggalan untuk menanai kaedah teknologi agar orang ramai mendapat akses ke perundangan dan keadilan.

Turut disentuh ialah mengenai kesejahteraan orang ramai agar terus dipelihara melalui penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan yang tersedia yang dipantau melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Di antara inisiatif yang diterajui ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan adalah melalui program Anugerah Inovasi Perdana (AIP) yang merupakan pengiktirafan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berjaya melaksanakan pendekatan-pendekatan baharu dan berinovasi dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dengan memperbaiki dan memperkemasan aliran kerja supaya lebih relevan dan cekap.

Sementara itu, JPM melalui Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan, sama-sama memainkan peranan sebagai agensi media rasmi kerajaan dalam pembarigayaan

maklumat-maklumat yang cepat, sahih dan tepat bagi mendukung dasar-dasar dan strategi negara dalam memberikan kefahaman kepada orang ramai dan seterusnya bagi orang ramai untuk sentiasa menghormati dasar mahupun peraturan negara, menyumbang kepada pembangunan, dan memartabatkan undang-undang negara.

Manakala usaha ke arah mencapai sasaran meningkatkan dan memperkuuhkan kesejahteraan orang awam seperti yang digariskan dalam Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu Kualiti Hidup yang Tinggi atau High Quality of Life, juga sedang giat dilaksanakan melalui pelaksanaan Social Blueprint.

Ia diterajui oleh JPM dan Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) dengan mendapatkan kerjasama serta inputs daripada pihak-pihak yang berkepentingan, dan akan menjadi bahan rujukan kepada menyatupadukan perancangan dan tindakan pelbagai sektor dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh orang ramai.

Blueprint ini juga akan saling melengkapi atau complement Manpower and Economic Blueprint supaya apa jua tindakan dilaksanakan melalui ketiga-tiga Blueprints ini nanti akan sentiasa menjurus kepada merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang hanya tinggal lebih kurang 12 tahun sahaja lagi.



ANTARA yang hadir pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

SEKTOR TENAGA BERPERANAN PENTING TINGKATKAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Secara keseluruhannya, Sektor Tenaga terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi negara di mana sektor tenaga telah menyumbang lebih kurang 60 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar atau KDNK negara, dan menyumbang sebanyak kira-kira 22,000 pekerjaan.

Perkara tersebut terkandung dalam Keutamaan Kedua, iaitu Mendukung Pemuliharan Negara yang Inklusif dan Berdaya Tahan yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, di Sektor Huluan Minyak dan Gas, Jabatan Tenaga di JPM telah menyusun pelan strategik dengan matlamat utama untuk mengekalkan pengeluaran minyak dan gas di tahap masa ini iaitu sebanding dengan kira-kira 300 ribu tong sehari dalam jangka sederhana dan akan meningkatkan ke tahap kira-kira 350 ribu tong

sehari dalam jangka masa panjang.

Peningkatan ini jelasnya bukan saji memerlukan pembangunan sumber-sumber di lautan dalam, tetapi juga memerlukan peningkatan aktiviti-aktiviti eksplorasi.

Untuk merealisasikan matlamat ini tegas Yang Berhormat, Sektor Huluan Minyak dan Gas dijangka akan membelanjakan hampir BND20 bilion dalam masa lima tahun akan datang untuk membaiayai program pembangunan dan pengoperasian. Ini merupakan peningkatan lebih kurang sebanyak 15 peratus berbanding dengan lima tahun yang lepas.

Sementara itu usaha negara untuk memaksimakan hasil dari sumber minyak dan gas tambah Yang Berhormat, kita juga bekerjasama dengan negara-negara OPEC+ 20 untuk menstabilkan pasaran minyak yang setentunya akan menguntungkan pihak pengeluar dan pengguna dalam jangka masa panjang.

Manakala di Sektor Hiliran Minyak dan Gas, Jabatan Tenaga di JPM akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dalam mendukung pertumbuhan Sektor Hiliran dengan memaksimakan dan mengukuhkan rantai-

nilai Sektor Hiliran dengan mengembangkan projek-projek berunsur hiliran derivatif yang menggunakan produk petrokimia sebagai feedstock.

Kegiatan hiliran di Pulau Muara Besar (PMB) yang lebih berdasarkan industri hiliran oil-based akan berkembang pesat apabila Fasa Kedua PMB yang kini sedang di peringkat perancangan memerlukan pelaburan lebih kurang USD9 bilion dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2027/2028.

Kejayaan Penggalian dan Penambakan (Dredging and Reclamation) untuk menambah kawasan di PMB sedang giat dijalankan dan dijangka siap sebelum akhir tahun ini.

Fasa Kedua projek PMB akan beralih tumpuan daripada produk-produk pengangkutan bahan api kepada produk-produk yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi.

Fasa Pertama mengeluarkan tujuh jenis produk, manakala Fasa Kedua dijangka akan mengeluarkan sekurang-kurangnya 10 produk petrokimia dan kimia baharu yang mana akan menambah lagi peluang pengeluaran produk-produk baharu, dan pada masa yang sama menjana peluang-peluang pekerjaan bagi pencari pekerjaan dari kalangan anak-anak

tempatan.

Turut disentuh ialah Taman Perindustrian Sungai Liang atau (SPARK) yang lebih berasaskan industri hiliran gas-based yang pada masa ini mempunyai Brunei Methanol Company dan Brunei Fertilizer Industries (BFI).

BFI mempunyai potensi yang tinggi untuk aktiviti hiliran lanjutan di mana lima loji produk sudah dikenal pasti, dan beberapa pelabur yang berpotensi telah melahirkan hasrat untuk meneroka pelaburan bagi peluang ini.

Di Sektor Pembekalan Tenaga Elektrik dan Bahan Api Pengangkutan, Yang Berhormat menyatakan keutamaan adalah untuk memenuhi keperluan negara bagi mengekalkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, dan seterusnya memacu pertumbuhan kegiatan ekonomi negara dijangka akan berkembang dengan pesat.

Dalam memastikan bekalan tenaga negara adalah lestari dan rendah karbon pula, Jabatan Tenaga di JPM terus memberi fokus terhadap usaha-usaha peralihan tenaga termasuk penggunaan tenaga solar negara di skala yang besar dengan meningkatkan pemasangan tenaga solar sebanyak 200 Megawatt menjelang tahun 2025 melalui strategi-strategi perlaksanaan 'SURIA-200',



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

dengan penglibatan awam-swasta dan Industri Intensif Tenaga.

Di dalam jangka masa panjang, kita juga akan meneroka pengeluaran sumber bekalan tenaga yang boleh diperbaharui (renewable) yang lain seperti hidrogen, serta teknologi penangkapan karbon seperti Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS).

Pada mesyuarat tersebut Yang Berhormat turut mengongsikan mengenai Penubuhan ASEAN Centre for Climate Change (ACCC) atau Pusat Perubahan Iklim ASEAN yang mana Penubuhan ACCC ini akan membolehkan negara sebagai satu hab ilmu serantau dan penyelidikan perubahan iklim.

Kerjasama sepadu mencapai Wawasan Brunei 2035

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Wawasan Brunei 2035 merupakan satu agenda nasional yang penting dan pasti akan tercapai.

Terdapat tiga matlamat di bawah Wawasan Brunei 2035 iaitu Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, yang mana kekal diukur menggunakan Program for International School Student Assessment (PISA); kualiti kehidupan rakyat yang tinggi, menggunakan Indeks Pembangunan Manusia (HDI); dan bagi ekonomi, kekal menggunakan KDNK per kapita ataupun GDP per capita sebagai ukuran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

supaya ia lebih relevan bagi masa yang 12 tahun akan datang ini," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, satu lagi indeks untuk mengukur diversification strategy bagi penggunaan KPI yang lebih relevan akan perkenalkan, bagi mengukur sama ada ekonomi di negara ini cukup kepelbagaian atau tidak.

"Beberapa perancangan dibuat di bawah matlamat-matlamat yang lain. Itulah sebabnya kitani mengubah KPInya tapi bukan kitani kan moving our goalpost," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menekankan keyakinan kita untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 itu tertakluk kepada semua pihak dalam masyarakat sama ada pihak kerajaan mahupun swasta.

"Kitani mesti bekerjasama, jadi untuk kitani sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035, kitani mesti melibatkan juga pihak swasta, pihak swasta memainkan peranan yang sangat penting.

"Pejabat Wawasan Brunei juga sentiasa mengongsikan kedudukan pencapaian Wawasan Brunei 2035 dengan orang ramai. Sejak tahun 2016 sehingga sekarang sudah melibatkan lebih kurang 16,500 peserta.

"Usaha ini memang akan diteruskan agar orang ramai dapat mengikuti pencapaian dan sebagainya melalui website wawasan ada juga Pejabat Wawasan Brunei mengongsikan di Radio Televisyen Brunei (RTB)

Pembangunan modal insan diperkuahkan

Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus melaksanakan program-program pembangunan kapasiti termasuk 27 Program Penempatan Kerja yang baharu yang dikenali sebagai Program Perkembangan Perkhidmatan Awam ke Republik Singapura yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam yang berprestasi cemerlang untuk ditempatkan di agensi kerajaan atau agensi berkaitan kerajaan di Republik Singapura dalam tempoh tertentu mengikut bidang-bidang yang bersesuaian selaras dengan keperluan dan strategi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Program Perkembangan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai-pegawai Kerajaan NBD ini adalah hasil daripada ketetapan Young 28 Leaders' Programme (YLP) Ke-8 yang telah diadakan pada 3-5 Ogos 2022 di Republik Singapura, dan diperkuahkan lagi melalui penandatanganan Memorandum of Understanding (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada 24 Ogos tahun lepas di Republik Singapura.

Perkara tersebut terkandung dalam Keutamaan Ketiga, iaitu Pembangunan Modal Insan yang Dinamik, Proaktif dan Inovatif yang disampaikan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kerjasama ini diharap akan dapat mendatangkan manfaat dari segi pertukaran idea; pembelajaran dari pengalaman (*experiential learning*) dan amalan-amalan terbaik (*best practices*); peningkatan ilmu pengetahuan; pembinaan jaringan kerjasama (*networking*); dan setentunya untuk mengeratkan lagi hubungan baik antara NBD dan Republik Singapura yang sudah lama terjalin.

>> Muka 11

dan sebagainya," kata Yang Berhormat.

Usaha ini, tambah Yang Berhormat, akan diteruskan untuk mengongsikan dengan lebih jelas

kepada orang ramai supaya mereka lebih faham peranan masing-masing untuk sama-sama bekerjasama mencapai Wawasan Brunei 2035.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SURAT LAYANG : ADUAN RASMI DIAMBIL PERHATIAN SERIUS



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Mac. - Surat Layang, ini boleh juga dianggap salah satu jenis aduan yang rasmi yang akan



Oleh : Muhd. Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana
Haji Othman

diambil perhatian serius dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh agensi tertentu di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menjelaskan perkara tersebut mengenai isu Surat Layang yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan pada hari keempat Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz telah menimbulkan soalan mengenai Surat Layang yang sah, yang pada dasarnya tidak menyatakan dengan jelas butiran nama dan alamat daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Dalam pernyataan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, jika didapati hasutan mengenai penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan ditangani Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di JPM dan jabatan tersebut akan menyalasat mengenai kandungan surat tersebut bersama agensi yang berkaitan bagi penambahbaikan dan melancarkan jentera jabatan kerajaan.

Dalam erti kata lain, jelas Yang Berhormat barang kali orang ini sudah ketandusan pendekatan, maka tindakan yang akhir mengadu dengan Surat Layang.

Surat Layang ini juga diperakui oleh Yang Berhormat sebagai satu sumber maklumat kepada pihak agensi-agensi penguatuasaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Biro Kawalan Narkotik dan Biro Mencegah Rasuah bagi hotspot seperti waktu COVID-19 khususnya dan memang ada laporan-laporan diterima daripada sumber-sumber tertentu mengenai kegiatan-kegiatan penyeludupan dan juga penyalahgunaan dadah serta pecah amanah.

"Namun demikian, pihak JPM ingin menitikberatkan maklumat dan juga akauntabiliti Si Pelapor dan juga kandungan surat tersebut. Ia tidak terus diterima secara mendadak malahan melalui proses-proses

penyelidikan dari pelbagai agensi," tambah Yang Berhormat

Jika Surat Layang ini hanya bermotifkan negatif atau berniat jahat, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak berkuasa bagi membendung agar ia tidak terus berleluasa di kalangan masyarakat *kitani?*, antara soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz.

Dalam menjawab soalan tersebut, Yang Berhormat telah menerangkan bahawa jika Surat Layang yang berunsur negatif atau berniat jahat ataupun fitnah untuk menjatuhkan seseorang, perkara ini boleh terus dilaporkan kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei berdasarkan beberapa perkara dalam Akta Perundangan Undang-Undang dengan melihat kepada Chapter 24 Sedition Act ataupun Chapter

25 Undesirable Publication Act, Chapter 180 Broadcasting Act dan Chapter 192 Defamation Act.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga menyentuh bahawa penyebaran berita palsu seperti Surat Layang boleh membawa maksud fitnah dan boleh menjatuhkan maruah seseorang, menimbulkan perpecahan, perbalahan, kemusnahan harta, kehilangan nyawa iaitu fitnah dan tindakan tidak bertanggunjawab ini wajiblah dihindari dan malah jika didapati bersalah akan diadili atau dijatuh hukuman yang selayaknya.

Bagi menutup kenyataan, Yang Berhormat berharap agar ia tidak akan dijadikan sebagai satu budaya yang negatif dan akan berhenti sebaiknya.

Pembangunan modal insan diperkuuhkan

>> Muka 10

Pada masa ini Jelas Yang Berhormat, JPM juga sedang mengemas kini Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA), yang akan terus menumpukan kepada pengukuhan perkhidmatan awam dari aspek pembangunan kapasiti, kecemerlangan organisasi dan persekitaran *pro-business*.

Di antara program pembangunan kapasiti yang diungkayahkan ialah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) dan program-program pembangunan kepimpinan seperti Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO); Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO); dan Program Eksekutif Muda (YEP).

Program-program ini, selain membangunkan lagi *talent pool*, ia juga bertujuan untuk mempersiapkan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam menjawat jawatan-jawatan di peringkat kepimpinan.

Ke arah mengukuhkan keberkesaan dan meningkatkan produktiviti, pembangunan kompetensi warga Perkhidmatan Awam turut diberikan keutamaan iaitu melalui Rangka Kerja Pembangunan Kapabiliti Perkhidmatan Awam (Public Service Capability Development Framework - PSCDF) yang sedang disediakan oleh Institut Perkhidmatan Awam.

Rangka kerja ini adalah bertujuan sebagai panduan yang menggariskan kompetensi-kompetensi teras bagi setiap peringkat peranan Perkhidmatan Awam untuk mengukur keupayaan atau kebolehan mereka.

Institut Perkhidmatan Awam akan secara berterusan menyediakan program pembangunan modal insan bagi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam agar dapat menyokong dan melaksanakan strategi, inisiatif dan program-program kementerian dan jabatan bagi menghasilkan pemberian perkhidmatan yang cemerlang.

Sementara itu kursus-kursus *upskilling* dan *reskilling* bagi para pencari kerja di bawah Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dan JobCentre Brunei akan terus dilaksanakan dengan kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan di negara ini bagi menyediakan tenaga kerja yang *marketable* bagi pasaran kerja terutama di syarikat-syarikat swasta. Semua ini dilaksanakan bagi mendukung Pembangunan Modal Insan yang Dinamik, Proaktif dan Inovatif.

Sementara itu, Inisiatif berterusan juga giat dilaksanakan dalam memperluaskan lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan khususnya di syarikat-syarikat pengendali utama minyak dan gas melalui penguatkuasaan Arah Bruneianisation atau Bruneianisation Directive.

Tambah Yang Berhormat, berkaitan dengan pembangunan modal insan adalah pembangunan Warisan Ilmu Islam yang diusahakan oleh Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Balai ini, telah dibuka semula pada 12 Disember tahun lepas adalah bagi mencapai niat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dijadikan sebuah *knowledge hub* yang unggul melalui penceritaan artifik-artifik yang berkaitan dengan sejarah ketamadunan Islam sebagai pembelajaran kepada orang ramai.

Teliti semula Lesen Perniagaan Tahunan

Oleh: Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Mac. - Lesen Perniagaan Tahunan hendaklah diteliti semula dengan sewajarnya yang mana bayaran kadar tertentu yang sebelum ini dikenakan di bawah Akta Lesen Perniagaan telah ditiadakan yang sudah setentunya telah mengurangkan pendapatan kerajaan berjuta-juta ringgit.

Pembaharuan yang diperkenalkan untuk memudah cara memulakan perniagaan perlu dikekalkan tetapi perlulah disemak dan diteliti semula dari beberapa aspek.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf semasa membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 pada

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi hari keempat yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan menurut perhatiannya, lesen berkenaan telah pun disalahgunakan.

"Sehingga ada yang membuka perniagaan di sana sini dan mereka hanya dibenarkan dalam satu premis dan dalam lesen itu menyatakan di kampung inilah mereka dibenarkan tapi sekarang kita lihat di sana sini mereka sewenang-wenangnya membuka perniagaan terutama sekali warganegara asing," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengesyorkan supaya perkara yang tidak memenuhi undang-undang tersebut tidak berleluasa, ia haruslah sama-sama dikawal dan diberkas



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

supaya ia tidak menjadi suatu isu yang boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

TUMPUAN KAWASAN PEDALAMAN PERLU DIBERI PERHATIAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji

OTHMAN

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Mac. - Usaha-usaha ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat adalah penting dengan membina dan menyediakan prasarana yang kondusif seperti perumahan, kesihatan, maklumat dan komunikasi, pendidikan dan elektrik dengan keutamaan memberikan tumpuan di kawasan-kawasan pedalaman yang terpinggir.

Isu-isu rakyat yang masih lagi belum diselesaikan hendaklah dilihat sebagai tanggungjawab dan amanah yang perlu ditangani segera, sehingga kini masih lagi ada keluarga-keluarga yang belum dapat menikmati sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Demikian antara yang terkandung di dalam ucapan perbahasan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023 / 2024 oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub pada hari keempat Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Ke-19 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Dalam usaha bagi mengukuhkan asas dan fundamental ekonomi negara serta mencipta bidang-bidang pertumbuhan baharu di dalam bidang-bidang yang berpotensi yang mana strategik ini dapat dicapai melalui bidang ekopelancongan, bio-teknologi dan pertanian moden," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, kata Yang Berhormat lagi sektor-sektor berkenaan dan bidang-bidang lain seperti pendidikan, kesihatan, kewangan Islam dan pemasaran makanan halal merupakan potensi besar untuk menjadi sumber pertumbuhan kepada ekonomi baharu yang berdaya tahan dan maju melalui inisiatif belanjawan mendukung pemulihan negara yang inklusif dan berdaya tahan.

"Dalam pada itu, perancangan yang strategik bagi mempergunakan sumber-sumber

khazanah warisan unggul Negara Brunei Darussalam seperti Taman Warisan Tasek Merimbun di Daerah Tutong sebagai asas bagi melaksanakan dan mewujudkan *spin off economy* berorientasikan ekopelancongan boleh dimanfaatkan membawa kebaikan kepada semua pihak khususnya penduduk-penduduk setempat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Taman Warisan Tasek Merimbun dianugerahkan sebagai Taman Warisan ASEAN, ASEAN Heritage bermula tahun 1984 berpotensi besar untuk menggerakkan aktiviti ekopelancongan khususnya di Daerah Tutong, ia merupakan usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak berkenaan melalui projek transformasi dan ekopelancongan Taman Warisan Tasek Merimbun.

Selain itu, ia diharapkan agar dapat diduduki untuk mendapatkan kesepakatan dan kerjasama yang diharapkan ke arah merangka pelan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang melalui pendekatan Whole of Government and Whole of Nation Approach dengan agensi-agensi kerajaan, Majlis-majlis Perundingan

Kampung, penduduk-penduduk setempat serta pihak-pihak yang kepentingan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin juga menyentuh berkenaan dengan keselamatan rakyat yang menjadi fokus utama belanjawan ke arah memelihara kesejahteraan awam yang mana inisiatif-inisiatif ke arah memperkisasakan keselamatan di dalam semua aspek perlulah diambil perhatian.

Ini termasuklah penyertaan Majlis-majlis Perundingan Kampung dan Pengawas Kejiranah Kampung di mana Yang Berhormat menyarankan agar peruntukan tambahan dapat disediakan agar aktiviti-aktiviti dan program-program keselamatan dapat dilaksanakan dengan berterusan.

Dalam soal keselamatan penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan pantai pula Yang Berhormat menjelaskan bahawa perubahan iklim berdasarkan kenyataan wikipedia artikel Sea Level Rise meramalkan bahawa paras laut akan naik 3.7mm, iaitu 0.46 inci setahun di mana antara tahun 1901 hingga 2018, kenaikan purata paras air laut global adalah meningkat antara



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

15cm dan 25cm iaitu 6 hingga ke 10 inci.

Dalam hal ini, Yang Berhormat berharap pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan hendaklah mengambil perhatian dengan situasi ini yang berhubung kait dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN Tahun 2023 iaitu berkenaan dengan Pusat Perubahan Iklim ASEAN - Centre Of Climate Change.



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

penduduk-penduduk kampung secara berkumpulan dan dipantau oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) berkenaan di mana langkah tersebut adalah satu perkembangan yang patut dibanggakan dan sewajarnya diberi sokongan padu oleh semua pihak.

"Projek-projek atau kerja-kerja domestik yang biasanya didominasi oleh buruh warga asing akan dapat diambil alih oleh anak-anak tempatan sepenuhnya satu masa nanti, insyaaAllah," ujar Yang Berhormat.

Inisiatif tangani isu inflasi, kenaikan harga barang

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Mac. - Pihak kerajaan diharap dapat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu inflasi dan kenaikan harga barang keperluan asas bagi meringankan beban ahli keluarga di negara ini.

Harapan tersebut disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir dalam ucapan perbahasan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023 / 2024, semasa berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, di sini. Menurut Yang Berhormat antara isu yang diberi tumpuan dalam tempoh jangka sederhana dan panjang adalah berkaitan pergantungan kepada import, kos kepada import pengeluar makanan, isu buruh asing, subsidi, pengangkutan, logistik, teknologi, pertanian dan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, Yang Berhormat juga mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah untuk memperketatkan penguatkuasaan ke atas akta-akta yang berkaitan bagi memastikan peniaga-peniaga sentiasa

menjalankan perniagaan secara beretika serta tidak mengambil keuntungan yang berlebihan sehingga mengakibatkan peningkatan harga barang dan perkhidmatan.

Sementara itu, di dalam usaha menstabilkan perbelanjaan negara, Yang Berhormat menjelaskan bahawa keputusan bagi menunda apa juar projek-projek mega yang memerlukan dana yang besar adalah cukup mencabar.

Peluang pekerjaan ujar Yang Berhormat, boleh dicipta melalui pengagihan projek-projek kerajaan yang berskala kecil sama ada di kawasan bandar

malahupun kawasan kampung.

"Antara langkah kerajaan ketika ini menswastakan beberapa projek seperti kerja-kerja baik pulih, pemeliharaan infrastruktur dan lain-lainnya di bawah kaedah penswastaan adalah merupakan antara usaha bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan dengan tidak secara langsung dapat merancakkan aktiviti dikalangan peniaga Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan dan sekali gus membuka peluang-peluang pekerjaan," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam pada itu menyarankan agar pemilihan syarikat-syarikat melalui tender-tender kerajaan perlu memberi prioriti kepada syarikat-syarikat yang mengajari pekerja-pekerja terdiri daripada anak tempatan.

"Penyertaan organisasi akar umbi, Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPK) melalui aktiviti perekonomian telah pun menuju syarikat-syarikat perniagaan yang sah beroperasi dengan menawarkan perkhidmatan seperti memotong rumput.

"Syarikat-syarikat ini digerakkan sendiri oleh

ANTARA yang hadir pada mesyuarat tersebut.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



FOKUS KEPADA FDI YANG AKAN JANA PEKERJAAN, ALIRAN PENDAPATAN BAHARU



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mencadangkan agar setiap kementerian dapat mencurahkan aktiviti-aktiviti dalam peruntukan belanjawan BND5.9 bilion untuk anggaran Tahun Kewangan 2023/2024, untuk mereka tanai dan ketahui supaya maksud tersurat dan tersirat dalam belanjawan itu dapat diamati oleh Perkhidmatan Awam.

"Keperluan diberigakan kepada

tenaga awam tentang bajet ini yang mengambil 80 peratus daripada bajet ini adalah pembayaran gaji dan *benefits* untuk pekerja awam supaya mereka turut teruja dan meningkatkan tambah usaha mereka atas kerja-kerja rutin yang mereka perlu lakukan untuk mencapai harapan matlamat bajet yang disyorkan.

"Kaola berharap penuh review sudah dibuat di kementerian-kementerian yang mereka mampu menolong mencapai matlamat bajet ini atas kerja rutin yang mereka lakukan sebagai *efficient services provider* kepada *public* dan awam," demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman semasa membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023 / 2024 pada hari keempat Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai Pelaburan Langsung Asing (FDI), Yang Berhormat berasa teruja dengan inisiatif-inisiatif kerajaan untuk menarik pelbagai FDI sebagai tambahan kepada industri yang ada pada masa ini.

Untuk itu, Yang Berhormat mencadangkan agar FDI yang

akan didatangkan nanti adalah mengambil kira *lesson learned* dari FDI yang terdahulu dan menilai terma serta syaratnya agar ia bersesuaian dengan FDI sebelum ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga mencadangkan agar sasaran FDI itu nanti akan dapat melengkap dan mengukuhkan FDI yang sudah ada serta dapat membantu meningkatkan dan menaiktarafkan agar kita mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu dengan memfokuskan FDI untuk mencapai Keselamatan Makanan (Food Security), Halal Brunei Brand dan pelancongan, yang akan menjana banyak pekerjaan dan aliran pendapatan baharu.

"Keputusan yang kita harapkan dapat mencapai Wawasan Brunei 2023 iaitu ekonomi yang *sustainable*. Jika seorang *businessman* berhajat untuk membesarkan businessnya dan berani untuk mengambil pinjaman

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

dan harapannya dari pinjaman tersebut, *businessnya* akan berkembang dan membayar balik pinjaman itu. Kita berani untuk mencari dana supaya *economic growth is faster than we expected from a conservative budget*.

"Jika *kitani* mahu melibatkan hasil negara yang lebih agresif

untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, bagaimana keadaan *bajet kitani*. Perlukah *kitani* bajet yang lebih untuk meningkatkan *economic growth* dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dijangka waktu 12 tahun yang mesti dicapai?" ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.



SUASANA pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Keperluan penilaian terhadap keberkesanan, kecekapan penggunaan peruntukan kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam semasa membahaskan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 / 2024 menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang berkenaan seperti yang telah dibentangkan dengan jelas dan terperinci oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Menurut Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah, untuk meraih keberkatan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dan mendapatkan rezeki yang berkat untuk negara kita menerusi pertumbuhan ekonomi yang dihasratkan itu, semua pihak di sektor awam dan swasta hendaklah terus berpegang kepada ajaran-ajaran agama Islam dalam melaksanakan semua tadbir urus negara sesuai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan juga hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan *Baldatun Tayyibatun Warabun Ghafur* iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan yang Maha Pengampun.

Semasa perbahasan pada hari keempat Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat juga merujuk keterangan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai deficit belanjawan negara yang dijangkakan berjumlah BND2.9 bilion.

"Di dalam situasi ini kaola pasti semua kementerian sudah semestinya mengambil pendekatan secara berhemah dalam melakukan perbelanjaan dan untuk tidak melakukan sebarang pembaziran dalam perbelanjaan."

"Oleh itu, kaola berpandangan juga untuk memastikan peruntukan yang ada digunakan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua sektor dan semua kementerian seperti

yang dirancang berdasarkan peruntukan-peruntukan yang telah diberikan.

"Jadi kaola merasakan perlu ada dibuat penilaian terhadap keberkesanan dan kecekapan penggunaan peruntukan kewangan yang diberikan itu menerusi penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam penetuan KPI on financial effectiveness and efficiency untuk keseluruhan perbelanjaan kementerian-kementerian berkenaan secara umum.

"Dengan ini kita dapat memastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang telah diberikan itu adalah mengikut perancangan yang sepatutnya," ujar Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah.

Menyentuh mengenai beberapa program jati diri dan program-program yang seumpamanya untuk mempersiapkan anak-anak tempatan dengan pengalaman-pengalaman kerja, kedayaatahanan integriti dan disiplin, Yang Berhormat melihat perancangan terhadap program ini adalah sangat signifikan dalam kita mempersiapkan anak-anak tempatan *kitani* untuk mencebur alam pekerjaan setelah mereka mengikuti pendidikan ataupun

menjalani pendidikan di peringkat yang tinggi.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat melahirkan harapan agar program-program seperti ini sebaiknya diterapkan ataupun ditetapkan, dijadikan satu modal secara menyeluruh di pusat-pusat ataupun di institusi-institusi pengajian tinggi agar semua anak-anak tempatan akan mempunyai sikap daya tahan dan sentiasa siap siaga untuk menghadapi alam pekerjaan setelah tamat pengajian nanti.

Yang Berhormat turut menyambut baik peruntukan biasiswa sebanyak 42.8 juta bagi pengendalian biasiswa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, di mana peruntukan itu adalah bagi pelajar-pelajar cemerlang yang nanti insyaAllah akan menerusi negara menjadi pemimpin-pemimpin di masa akan datang.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menegaskan agar penetapan jurusan pelajar-pelajar ini hendaklah disejajarkan dengan perancangan sumber tenaga manusia dan diselaraskan juga dengan peruntukan perjawatan yang bersesuaian supaya

pelaburan kerajaan bagi pelajar-pelajar ini tidak akan merugikan khususnya kerajaan kerana apabila mereka keluar nanti ataupun tamat daripada pengajian, mereka sudah disediakan dengan jawatan-jawatan dan pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dan ini adalah untuk mengelak sebarang kerugian kepada kerajaan dan mengelak peningkatan kadar pengangguran di negara ini.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

>> Muka 1

Dari jumlah tersebut, Yang Berhormat menerangkan ia dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan iaitu BND2.19 bilion untuk membiayai Gaji Kakitangan termasuk gaji, elaun-elaun dan pembayaran caruman; BND2.21 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-ulang; BND500 juta adalah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan untuk

BELANJAWAN BND5.96 BILION BAGI RANG UNDANG-UNDANG 2023 DIBENTANGKAN

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

meneruskan projek-projek di bawah RKN Ke-11; dan selebihnya adalah untuk membiayai Perbelanjaan di bawah Tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Oleh itu, berdasarkan kepada Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan yang kaola nyatakan tadi maka kerajaan dijangka akan kembali mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira BND2.97 bilion, ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Unjur an defisit ini akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat, hasil pendapatan dari Sektor Bukan Minyak dan Gas dan perbelanjaan sebenar kerajaan.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa penyediaan Rang Anggaran Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2023 / 2024 tersebut

berdasarkan kepada analisa dan penilaian yang telah dibuat

ke atas prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam, keutamaan perbelanjaan kerajaan serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan.

"Alhamdulillah, syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana izin dan limpah rahmat-Nya jua serta berkat kepimpinan, kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini dapat terus menikmati pembangunan dan perkembangan, keamanan dan kemakmuran di sebalik pelbagai cabaran yang telah dihadapi.

"Dunia telah menyaksikan pelbagai pergolakan yang luar biasa seperti pandemik COVID-19, konflik geopolitik dan

impak inflasi yang tinggi.

"Ini semua telah menyebabkan krisis kos sara hidup di kebanyakan negara dan memberikan kesan khususnya kepada perbelanjaan isi rumah berikutnya peningkatan kos tenaga dan komoditi. Terhadnya

rantaian bekalan barang serta pengurangan rangsangan fiskal berkaitan pandemik COVID-19.

"Situasi ini telah mengakibatkan kesan negatif yang berlarutan terhadap prestasi ekonomi global," ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Mantapkan sistem kesihatan negara, perkhidmatan berkualiti

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, keutamaan akan terus diberikan ke arah mengukuhkan dan memantapkan lagi sistem kesihatan negara untuk lebih resilience, efisien, berkesan (efektif) dan dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Ini termasuk memastikan pembangunan tenaga kerja dalam pelbagai disiplin profesional kesihatan yang berkemahiran serta tenaga kerja kesihatan sentiasa mencukupi dengan situasi semasa.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, dari aspek pengawalan penularan wabak COVID-19, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah BND798 juta setakat ini secara keseluruhannya untuk menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Antaranya bagi membiayai pembelian mesin perubatan seperti Mesin Respiratory dan ICU Ventilator, peralatan ujian termasuk RT-PCR Kit dan Viral RNA Extraction Kit, pembekalan ubat-ubatan vaksin dan penambahan kapasiti sistem BruHealth, barang guna habis dan keperluan lain.

"Hari ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi mendukung usaha untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan negara termasuklah pihak Kementerian Kesihatan bersama syarikat teknologi Evette telah melancarkan Intelligence Hub yang akan menempatkan epidemic intelligence dan response unit di mana ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan daya tahan ekosistem penjagaan kesihatan di negara ini," ujar Yang Berhormat semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, usaha sama tersebut telah melibatkan pelaburan sebanyak BND51 juta iaitu termasuk bagi penubuhan Intelligence Hub dan pembangunan aplikasi BruHealth.

Penubuhan Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS) oleh Jerudong Park Medical Centre (JPMC) bersama Far Eastern University daripada Republic Filipina, penubuhan college tersebut bertujuan menghasilkan warga tempatan yang profesional dan berkemahiran tinggi dalam sektor penjagaan kesihatan bagi mencukupi keperluan negara.

Yang Berhormat mengongsikan, seramai 61 orang pelajar telah pun mengikuti program asasi bagi pengambilan pertama untuk Tahun Akademik 2022 / 2023 yang telah bermula pada bulan Oktober 2022 lalu, manakala bagi pengambilan seterusnya iaitu pada Tahun Akademik 2023 / 2024 yang akan bermula pada bulan Ogos 2023 nanti, seramai 140 orang pelajar dijangka akan mengikuti kedua-dua program asasi dan ijazah.

Dari segi peluang pekerjaan pula khususnya jawatan-jawatan bukan akademik di JCHS tambah Yang Berhormat, sebanyak 12 jawatan telah diisikan oleh tenaga kerja tempatan dan sejumlah tersebut dijangka akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

Yang Berhormat menambah, beberapa peruntukan juga akan disediakan di bawah Sektor Kesihatan yang berkaitan dengan perkhidmatan rawatan dan perubatan iaitu pertama, sejumlah BND3 juta dengan harga rancangan BND39.8 juta akan terus disediakan di bawah RKN11 dalam menyediakan infrastruktur dan fasiliti-fasiliti kesihatan di daerah-daerah.

Seterusnya, kedua, sejumlah BND55 juta bagi pembelian ubat-ubatan dan BND45 juta bagi Pembekalan dan Perkhidmatan Perubatan; ketiga, sejumlah BND30 juta disediakan untuk membiayai Perkhidmatan Perubatan Rawatan di JPMC, Pusat Kanser Brunei dan Brunei Neuroscience, Stroke and Rehabilitation centre dan keempat, sejumlah BND50 juta akan terus disediakan khusus untuk menangani wabak penyakit berjangkit.

Momentum pemulihan ekonomi dijangka terus meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Momentum kadar pemulihan ekonomi negara diunjurkan (dijangkakan) terus meningkat berikutnya pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa.

Namun penularan semula pandemik COVID-19 masih menjadi satu risiko berserta risiko global lain yang besar kemungkinan akan menjelaskan situasi ekonomi negara ini.

Mengikut laporan suku ketiga tahun 2022, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam, mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 0.9% setelah mencatatkan pertumbuhan negatif pada suku pertama dan kedua tahun 2022.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi hari ketiga yang berlangsung petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pertumbuhan suku ketiga tahun 2022 ini adalah berikutnya peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.6% yang didorong oleh peningkatan dalam beberapa subsektor seperti hiliran, kewangan, pengangkutan udara, perdagangan borong dan

runcit serta perikanan.

"Walau bagaimanapun, Sektor Bukan Minyak dan Gas pula mencatatkan penurunan pada kadar 2.7% disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah.

"Penurunan ini adalah disebabkan antaranya penutupan yang berjadual dan tidak berjadual bagi aktiviti-aktiviti maintenance serta pemulihan pelantar minyak luar pantai," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa Pusat Kajian Strategik dan Dasar atau Center for Strategic and Policy Studies (CSPS) melalui laporan Brunei Economic Outlook 2023 telah pun mengunjurkan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 2.6% bagi tahun 2023.

Unjur an ini ujar Yang Berhormat didorong oleh pertumbuhan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas pada kadar dua peratus berikutnya pengeluaran yang dijangka meningkat setelah pelbagai aktiviti maintenance selesai dilaksanakan.

Sementara itu, Yang Berhormat menerangkan aktiviti yang lain dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas juga dijangka mencatatkan pertumbuhan yang positif pada kadar 2.8% mengambil kira kebanyakan aktiviti ekonomi berkenaan dijangka akan beransur pulih berikutan pengeluaran semula sempadan serta pengurangan pelbagai langkah pengawalan yang berkaitan dengan endemik COVID-19.

CSPS juga tambah Yang Berhormat mengunjurkan inflasi negara akan menurun kepada

kadar 2.5% bagi tahun 2023 setelah mencatatkan kadar 3.7% pada tahun 2022, iaitu kadar inflasi yang tertinggi sejak tahun 1995.

"Ini adalah disebabkan oleh permintaan global yang lemah dan rantaian bekalan yang beransur pulih.

"Di samping itu, pihak IMF, Asean +3 Macro Economic Research Office (AmRo) dan Asean Development Bank (ADB) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi yang positif bagi NBD pada tahun 2023, iaitu masing-masing pada kadar 3.3%, tiga peratus dan 3.6%.

"Unjur an tersebut mengambil kira usaha-usaha pemulihan dan mempelbagaikan ekonomi yang dilaksanakan khususnya pengeluaran produk industri hiliran minyak dan gas serta aktiviti-aktiviti berkaitan dengan syarikat Hengyi Industry Sendirian Berhad, Syarikat Methanol Brunei (BMC) dan Syarikat Brunei Fertilizer Industry Sendirian Berhad (BFI).

"Namun demikian unjur an-unjur an berkenaan juga tertakluk kepada beberapa faktor luaran dan dalaman (*external and internal factors*) seperti penularan varian-varian COVID-19 baharu; tekanan geo-politic berterusan yang akan mengakibatkan gangguan rantaian bekalan kepada inflasi yang tinggi; risiko kemelesetan ekonomi dunia; dan ketidakpastian pasaran minyak dan gas dunia dan tahap pengeluaran minyak dan gas negara," ujar Yang Berhormat lagi.

CSPS juga tambah Yang Berhormat mengunjurkan inflasi negara akan menurun kepada



MESUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-19 MAJLIS MESUARAT NEGARA

KUTIPAN HASIL PENDAPATAN KERAJAAN MENINGKAT

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafiz Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Kutipan hasil pendapatan kerajaan meningkat sebanyak 132.5 peratus kepada BND4.77 bilion berbanding dengan Tahun Kewangan 2020/2021 berikutan kenaikan harga minyak dunia pada tahun 2021 yang secara 'pro rata' berada diparas melebihi USD70 juta setong.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah seterusnya menjelaskan, dalam masa yang sama perbelanjaan sebenar kerajaan juga meningkat sebanyak 9.2 peratus kepada BND5.78 bilion berbanding dengan Tahun Kewangan 2020 / 2021.

Semasa mengongsikan kedudukan *fiscal* kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021 / 2022 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang

Berhormat seterusnya menjelaskan, kerajaan telah merekodkan defisit berjumlah BND1.01 bilion bagi Tahun Kewangan 2021 / 2022.

"Dari segi kedudukan *fiscal* kerajaan yang dikemas kini bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 pula, Alhamdulillah berikutan dangan kenaikan harga minyak dunia, unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 adalah dikemas kini kepada BND6.0 bilion.

"Manakala perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 adalah diunjurkan berjumlah BND5.9 bilion berbanding dengan BND5.7 bilion yang telah diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2022 / 2023," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, perbelanjaan kemajuan diunjurkan berjumlah BND237.74 juta berbanding dengan BND350 juta yang telah diluluskan antaranya disebabkan cabaran-cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 terutamanya program sumber manusia, penelitian semula user requirement dan skop projek penelitian tawaran dan perlantikan konsultan serta

kesesuaian tapak projek.

Dengan mengambil kira keupayaan kementerian-kementerian untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara atau RKN itu, Yang Berhormat mengongsikan keputusan Tertinggi RKN yang telah dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melanjutkan RKN11 selama satu tahun lagi iaitu sehingga penghujung Tahun Kewangan 2023 / 2024.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, berdasarkan kepada anggaran kutipan hasil yang menggalakkan dan perbelanjaan, kerajaan dijangka akan merekodkan *marginal budget surplus* bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa dengan berasaskan unjuran-unjuran serta hala tuju ekonomi dunia pada masa ini dengan mengambil kira tahap pengeluaran minyak negara, Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023 / 2024 adalah diunjurkan berjumlah BND2.99 bilion di mana BND2.03 bilion adalah hasil daripada Sektor Minyak dan Gas serta BND952.37 juta adalah hasil dari Sektor Bukan Minyak dan Gas.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

"Pecahan hasil-hasil tersebut adalah antaranya, kutipan hasil cukai-cukai yang keseluruhannya berjumlah BND335.50 juta, hasil dari yuran, caj dan sewa yang keseluruhannya berjumlah BND323.27 juta, hasil pulangan pelaburan dan simpanan sebanyak BND236.28 juta dan hasil yang berlebihan dari badan badan berkanun sebanyak BND40.49 juta," ujar Yang Berhormat.

Dari segi perbelanjaan, jelas Yang Berhormat, sejumlah BND5.96 bilion adalah dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan iaitu terdiri daripada BND2.19 bilion untuk membiayai gaji kakitangan termasuk gaji, elau-elauan dan pembayaran caruman.

Seterusnya, BND2.21 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-Ulang, BND500 juta adalah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan untuk meneruskan projek-projek di bawah RKN11 dan selebihnya adalah untuk membiayai perbelanjaan di bawah kerajaan.



Tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat lagi, berdasarkan kepada Anggaran Hasil dan Perbelanjaan, kerajaan dijangka akan kembali mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira BND2.97 bilion dan unjuran defisit ini akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat, hasil pendapatan dari Sektor Bukan Minyak dan Gas dan perbelanjaan sebenar kerajaan.

Usaha berterusan, tingkat pengeluaran domestik

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Semasa pandemik COVID-19, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran kenaikan harga barang yang didorong oleh kenaikan kos pengangkutan dan logistik, peningkatan harga barang mentah dan sekatan eksport dari negara-negara pengeluar yang setentunya menjelaskan bekalan global.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira jua Negara Brunei Darussalam mengimport sekitar 70 peratus barang terutama makanan dari luar negara, kerajaan akan terus memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran domestik khususnya dari Sektor-sektor Pertanian, Perikanan dan Ternakan.

Demikian antara yang dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi pada hari ketiga yang berlangsung hari ini di

mana sebahagian daripada pembentangan, menghuraikan keutamaan belanjawan kedua tema belanjawan negara iaitu, 'Mendukung Pemulihian Negara Yang Inklusif Dan Berdaya Tahan'.

Memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran domestik khususnya dari Sektor-sektor Pertanian, Perikanan dan Ternakan adalah penting agar bekalan makanan negara adalah sentiasa terjamin dan seterusnya tidak menjelaskan pemulihan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup, tambah Yang Berhormat.

Bagi mendukung usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran di Sektor Pertanian dan Perikanan, ujar Yang Berhormat bahawa beberapa usaha telah dilaksanakan, diantaranya adalah pengendalian Projek Penanaman Padi secara skala besar di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kandol, Labi, Kuala Belait. Projek tersebut dikendalikan oleh Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa sejak penanaman

pertama pada tahun 2019, kawasan penanaman padi di KKP Kandol telah meningkat daripada 8.23 hektar kepada 68.23 hektar pada Julai 2022. Kawasan penanaman padi ini dijangka akan meningkat lagi kepada 173.23 hektar pada pertengahan tahun 2023.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa satu penandatanganan kontrak perjanjian bagi Projek Design, Supply, Install, Testing And Commissioning of New Rice Mill, Paddy Dryer and Storage For Wasan Rice Processing Complex telah diadakan pada 10 Ogos 2022.

Fasiliti tersebut dijangka siap pada bulan April 2023 dan diharat akan dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti penyimpanan padi serta membolehkan pengisaran padi dan pembungkusan beras secara lebih efisien.

Antara usaha yang lain lagi adalah mengenai eksport ikan, Yang Berhormat menjelaskan bahawa, Syarikat Barramundi Group (B) Sdn. Bhd. telah pun mencapai sasaran bagi tahun 2022 bagi penterakan 100 tan metrik ikan Barramundi di negara ini dan telah mula mengeksport ke Republik Singapura bermula suku ketiga tahun 2022 dan sebahagiannya juga telah dijual di pasaran domestik.

Seterusnya, Yang Berhormat pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menjelaskan mengenai Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat yang mengeluarkan produk perikanan yang berteknologi tinggi dan mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 3,500 tan ke 5,000 tan setahun. Syarikat tersebut dijangka akan membina kilangnya pada suku pertama tahun 2023.

Negara Brunei Darussalam melalui Syarikat Golden Chick Livestock Sdn. Bhd., telah berjaya mengeksport sekitar 300 ribu biji telur ayam ke Republik Singapura buat pertama kalinya.

Dalam perkara ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus bekerjasama dengan pihak autoriti di luar negara serta para pengusaha untuk membuat penyelaras, perancangan dan persiapan bersesuaian bagi mengeksport ayam segar dan produk berasaskan daging dan produk pertanian dan perikanan untuk dieksport ke Republik Singapura dan negara-negara lain.

Ke arah mendukung usaha-usaha tersebut, Yang Berhormat menyatakan bahawa beberapa peruntukan akan terus disediakan bagi mencapai ke arah pertumbuhan keluaran industri

pertanian dan perikanan yang lebih pesat dan mampan serta bagi mencapai sekuriti makanan.

Di antara peruntukan-peruntukan yang dijelaskan adalah, bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara, peruntukan sejumlah BND9.3 juta juga akan disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi serta bagi pembelian benih benih padi hibrid untuk diagihkan kepada peladang-peladang padi dan sejumlah BND6 juta dengan harga rancangan BND36 juta di bawah RKN11 bagi pembukaan kawasan penanaman padi secara komersial di kawasan Kandol, Daerah Belait.

Kemudian sejumlah BND4.5 juta dengan harga rancangan BND26 juta di bawah RKN11 bagi Rancangan Pembangunan Industri Ternakan untuk menjana pengeluaran termasuk pembekalan elektrik di kawasan Kemajuan Pertanian Merangking Fasa 1, Daerah Belait dan makmal Program Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan Rujukan Bagi Penyakit Ternakan.

Manakala sejumlah BND118 ribu dengan harga rancangan BND15 juta di bawah RKN11 bagi memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur termasuk menyediakan infrastruktur asas.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

USAHA TINGKATKAN PRESTASI, KUALITI, PENGUKUHAN SISTEM PENDIDIKAN

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan

Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Fokus belanjawan ketiga di bawah tema belanjawan negara adalah 'Pembangunan Modal Insan Yang Dinamik, Proaktif dan Inovatif'.

Huraian fokus ketiga ini menyatakan bahawa kerajaan akan terus memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi dan kualiti sistem pendidikan, mengukuhkan pendidikan teknikal dan vokasional termasuk peningkatan dari aspek keupayaan tenaga pengajar serta latihan profesional, dengan matlamat untuk meningkatkan kecekapan serta melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran, profesional dan berkeupayaan tinggi.

Pada hari ketiga dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam sebahagian pembentangan, menjelaskan bahawa ini adalah bagi memastikan penyesuaian berterusan terhadap perubahan persekitaran ekonomi serta penyelarasan modal insan dengan keperluan pasaran pekerjaan di negara ini.

"Bagi mensejajarkan perancangan tenaga manusia dengan *marketability* dan *employability* anak tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang *sustainable* dan *gainful*, Manpower Industry Steering Committee (MISC) telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk mendukung visi Manpower Planning and Employment Council (MPEC)," ujar Yang Berhormat.

MISC juga tambah Yang Berhormat akan menyelaras di antara industri, institusi pendidikan dan institusi latihan ke arah memenuhi permintaan industri serta memastikan bekalan sumber manusia yang mencukupi pada waktu yang tepat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa penglibatan sektor swasta melalui 71 buah syarikat yang telah dilantik selaku Ahli MISC Working Groups bagi Sektor-sektor Tenaga, Pembinaan, ICT, Hospitaliti dan Pelancongan, dan Pengangkutan dan Logistik, memainkan peranan penting dalam memberikan maklum balas keperluan tenaga kerja dan latihan mengikut perspektif industri masing-masing.

Selain daripada menyediakan inisiatif pembangunan kemahiran, Yang Berhormat berkata, MPEC juga telah memperkenalkan Program Jati Diri (PJD) bagi memperkuatkuan

kedayahtahanan, integriti, disiplin dan tanggungjawab anak tempatan agar lebih bersedia untuk mencuebi alam pekerjaan atau *job-ready*.

"Program ini adalah mandatori bagi semua anak-anak tempatan yang mengikuti program iSkills dalam bidang Welding, Scaffolding, Rigging, Mark and Fitting dan Blasting-Painting memandangkan pekerjaan-pekerjaan tersebut akan memerlukan kedayahtahanan, disiplin dan komitmen kerja yang tinggi," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pihak MPEC juga menyediakan garis panduan gaji atau Salary Guideline di sektor swasta sebagai langkah yang penting ke arah memastikan pencari kerja dan pekerja tempatan menerima gaji yang bersesuaian mengikut kemahiran dan produktiviti mereka di setiap peringkat tangga kerjaya.

Garis panduan tersebut berfungsi untuk membantu sektor swasta dalam mewujudkan pakej gaji yang kompetitif dan menarik bagi membolehkan pekerja tempatan memperolehi pekerjaan yang bermakna dan mengekalkan mereka dalam sebuah pekerjaan. Ini seterusnya akan meningkatkan kerjaya individu tersebut dalam profesion yang dicebur.

Salary Guideline di sektor swasta ini mengandungi 22 *job families*, yang mana ia adalah berdasarkan kepada permintaan utama industri. Beberapa inisiatif khusus bagi meningkatkan 'employability' golongan pencari kerja tempatan termasuk golongan yang mempunyai kelulusan rendah juga telah diperkenalkan.

Pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat seterusnya menyatakan inisiatif ini adalah seperti program latihan iSkills, iLeap dan TVET Scheme yang telah disediakan bagi golongan berkenaan untuk meningkatkan kemahiran khususnya dalam bidang-bidang teknikal dan seterusnya menjadi nilai tambah dalam menjawat jawatan yang bersesuaian di sektor-sektor berkenaan.

Program 'Industry Learn and Excel Apprenticeship' atau iLEAP telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022, yang dianjurkan bersama oleh MPEC dan Energy MISC-Working Group dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat atau Lifelong Learning Centre dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bertujuan untuk menyediakan peluang kepada tenaga kerja tempatan yang sedia ada dalam Sektor Tenaga bagi meningkatkan kemahiran dengan memperoleh kelulusan yang diiktiraf dalam bidang-bidang teknikal.

Selain itu, Yang Berhormat

menambah SkillsHub yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022 adalah sebuah lagi inisiatif Energy MISC-Working Group, Lifelong Learning Centre dan industri-industri yang berkepentingan, untuk menyediakan sebuah platform yang mengumpulkan bekalan latihan daripada operator dan syarikat industri tempatan. Ia adalah dihasilat untuk menyediakan peluang-peluang pembelajaran sepanjang hayat bagi tenaga kerja tempatan.

Rangka Kerja Kompetensi Industri ICT Brunei atau Brunei ICT Industry Competency Framework (BIICF) telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022 oleh ICT MISC-Working Group yang bermatlamat untuk memastikan profesional ICT tempatan mempunyai kompetensi ICT relevan untuk melaksanakan tugas dan membimbang mereka dengan kemahiran yang diperlukan yang selaras dengan keperluan industri.

Rangka kerja tersebut juga bertujuan untuk memberikan standard kompetensi kepada institusi pendidikan tinggi dan penyedia latihan, yang akan menjadi rujukan dalam merancang kurikulum dan

program latihan masing-masing.

"Bagi penyediaan pekerja tempatan yang berkemahiran khususnya dalam bidang kejuruteraan, Yang Berhormat menjelaskan tawaran program-program biasiswa termasuk latihan industri dari Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. untuk pelajar-pelajar Universiti Brunei Darussalam, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Politeknik Brunei ke institusi-institusi bersesuaian di Republik Rakyat China," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat lagi, Politeknik Brunei telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menawarkan Program Level 5 Diploma in Diabetes Nurse Educator (DNE) untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran jururawat.

Yang Berhormat seterusnya berucap, ke arah meningkatkan kegiatan penyelidikan di negara ini, Makmal Sains dan Teknologi Bio-inspirasi antara UBD dan Virginia Tech, Amerika Syarikat telah dilancarkan bagi membolehkan penyelidik daripada kedua-dua belah pihak memanfaatkan sumber bio-diversiti negara dalam



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

mendorong kejuruteraan bio-inspirasi dan teknologi digital yang lebih maju.

"Selain itu, Kementerian Kesihatan dan Syarikat EVYD Technology telah menandatangani MoU bersama National University of Singapore, Saw Swee Hock School of Public Health sebagai kerjasama untuk mengukuhkan sistem kesihatan termasuk dasar kesihatan, aktiviti akademik dan saintifik," tambah Yang Berhormat lagi.

NBD terus komited, on-track capai sasaran

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Negara Brunei Darussalam memainkan peranan aktif dalam sama-sama melaksanakan dasar perubahan iklim negara ini.

Bagi membentuk hala tuju negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, kerajaan amat komited dan adalah *on-track* untuk mencapai sasaran komitmen di bawah Perjanjian Paris iaitu mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20 peratus menjelang tahun 2030.

Bagi tahun 2022, jelas Yang Berhormat, negara telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau kepada 11.4 juta tan Co₂ berbanding dengan sasaran sebanyak 15.82 juta tan Co₂.

"Sebagai langkah mitigasi, pelbagai aktiviti-aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2022, antaranya penanaman pokok sebanyak 42,928 batas pokok, pengurangan pelupusan sampah, pengurangan pelepasan gas rumah hijau dalam Sektor Perindustrian, peningkatan tenaga yang diperbaharu melalui pembinaan projek suria dan pengurangan pengeluaran gas rumah hijau dari penjanaan dan penggunaan tenaga," ujar Yang Berhormat semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Pada tahun ini, menurut Yang Berhormat, tumpuan akan diberikan kepada usaha menangani isu perubahan iklim dengan melaksanakan langkah adaptasi melalui penggubalan pelan adaptasi kebangsaan, mewujudkan rangka kerja harga karbon, rangka kerja Domestic Voluntary Carbon Offset (DVCO) dan draf akta karbon dan pengukuhan ketelusan Inventori Gas Rumah Hijau Negara melalui Projek Inventori Sumber Hutan Negara dan Direktif.

"Oleh itu, semua pihak yang berkepentingan hendaklah memainkan peranan aktif dalam sama-sama membentuk hala tuju negara menjadi sebuah negara lestari yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim, selaras dengan komitmen negara ke arah pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang 2050.

"Di samping itu, beberapa usaha telah dilaksanakan bagi mendukung hasrat dan komitmen tersebut antaranya penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Climate Change Centre) di Negara Brunei Darussalam yang akan berfungsi sebagai badan pemikir, hak pengetahuan, penyelaras strategik dan penyepadan inisiatif dan aktiviti tindakan iklim dalam rantau ASEAN," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kira-kira 400 ribu setahun dengan harga rancangan kira-kira BND2.1 juta disediakan untuk membayai fasa pertama penubuhan pusat ini. Pelancaran *rapid charging station* pertama di Stesen Minyak IBA, Lambak oleh Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad yang boleh mengecas kendaraan elektrik dengan masa lebih kurang 30 minit.

Beberapa peruntukan juga telah disediakan untuk menangani risiko bencana alam sejumlah BND596 ribu dengan harga rancangan BND52.8 juta disediakan di bawah RKN.

Yang Berhormat menjelaskan, sejumlah BND25 juta juga disediakan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk pengurusan bencana alam bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan bekerjasama dalam menangani apa juga bencana alam seperti kejadian banjir, tanah susur dan sebagainya.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

40 KELUARGA MUALAF TERIMA SUMBANGAN



>> Muka 1

Projek ini bertujuan untuk menampung keperluan harian asnaf mualaf dan sebagai satu *dakwah bil mal* yang berkesan dalam memeduli dan memantau dari segi aspek perkembangan kehidupan serta kebajikan mereka agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna.

Di samping memantau dari aspek penghayatan Islam khusus bagi para mualaf di negara

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada penerima (kiri). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

ini, ia juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan ukhuwah terutama dalam kalangan Persatuan-persatuan Muallaf seluruh negara dengan PD1 dalam sama-sama mengungkayahkan kerja-kerja berkebajikan demi

kesejahteraan para mualaf di negara ini.

Penyerahan infak juga akan diteruskan lagi oleh PD1 dan Unit Da'wah Daerah masing-masing dengan berkunjung ke rumah-rumah para mualaf yang terpilih.



Kementerian Pertahanan, ABDB anjurkan Majlis Malam Nisfu Syaaban

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Nisfu Syaaban 1444 Hijrah.

Saifulrizal bin Abdul Latif; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan; peringkat kepimpinan, pegawai-pegawai serta anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali beramai-ramai.

Kemudian, majlis diikuti dengan Doa Khas Malam Nisfu Syaaban dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk menggalakkan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB meningkatkan amal soleh mereka, memohon keampunan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'alaa pada Malam Nisfu Syaaban iaitu malam yang penuh keberkatan dan keistimewaan bagi umat Islam seluruhnya.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Mac. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) malam tadi mengadakan Majlis

Malam Nisfu Syaaban 1444 Hijrah secara serentak di seluruh surau Kementerian Pertahanan dan ABDB dengan tumpuan utama di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Pertahanan dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato

Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir adalah Pemangku Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan

MoU UBD, BruIPO : Rapatkan lagi kerjasama



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku saksi pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman yang berlangsung di UBD Startup Centre (USC).

TUNGKU LINK, Selasa, 7 Mac. - Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) dan Pejabat Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) (OAVCIE), Universiti

Brunei Darussalam (UBD), hari ini, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di UBD Startup Centre (USC), di sini.

MoU ini berfungsi sebagai rangka kerja umum untuk memudahkan kerjasama antara kedua-dua organisasi serta memulakan hubungan kerja dalam

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

bidang yang berbeza bagi kepentingan bersama, khususnya, UBD menyasarkan untuk menubuhkan UBD Technology and Innovation Support Centre ('UBD-TISC').

Ia akan menjadi pusat sehenti untuk perkara-perkara yang berkaitan untuk penyelidikan, inovasi dan perkhidmatan maklumat teknologi berkualiti tinggi di UBD, dengan sokongan BruIPO dan Harta Intelek Dunia (WIPO).

UBD dan BruIPO juga menyasarkan untuk bekerjasama dalam bidang pembangunan profesional harta intelek dan pendidikan keusahawanan antara lain.

Menandatangi bagi mewakili pihak UBD ialah Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan), Profesor Dr. Mohammad Ayub Sadiq manakala menandatangi bagi wakil BruIPO ialah Ketua / Timbalan Pendaftar BruIPO, Dayang Norazizah binti Haji Mohammad Jaafar.

Hadir selaku saksi pada majlis tersebut ialah Peguam Negara,

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa selaku Pendaftar BruIPO dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sejak diiktiraf secara rasmi sebagai universiti intensif penyelidikan, UBD telah meningkat dengan pantas dalam kalangan universiti terkemuka di rantau Asia.

UBD juga berusaha untuk bekerjasama dengan pelbagai sektor dan industri kerajaan untuk menjadikan penyelidikan dan inovasinya lebih berkesan dan relevan kepada Negara Brunei Darussalam.

Ini adalah selaras dengan matlamat strategik UBD untuk menjadi sebuah universiti inovasi dan perusahaan, dengan memupuk inovasi daripada kreativiti dan pelajar serta menterjemahkannya ke dalam perusahaan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

MAJLIS PENGHARGAAN, PENYAMPAIAN HADIAH MAHRAJAN BAHASA ARAB



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah Mahrajan Bahasa Arab. Juga hadir, Rektor UNISSA (kiri dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Isnin, 6 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab mengadakan Mahrajan Bahasa Arab sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2022 mulai 19 Disember 2022 hingga 6 Mac 2023.

Sehubungan itu, Majlis Penghargaan dan Penyampaian

Hadiah Mahrajan Bahasa Arab telah diadakan di Auditorium UNISSA, Jalan Gadong, hari ini.

Terdahulu, Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah Mahrajan Bahasa Arab dalam ucapannya

berkata Hari Bahasa Arab Sedunia diraikan pada setiap 18 Disember bermula tahun 2012, kerana pada tarikh 18 Disember 1973, Bahasa Arab telah berdaftar dan menjadi bahasa antarabangsa oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Sebagai sebuah Negara Zikir ujarnya dan sebuah negara yang berkONSEPkan Melayu Islam Beraja (MIB) maka sudah setentunya Islam merupakan perkara yang

amat dititikberatkan di negara ini, MIB dijadikan asas dan sumber rujukan dalam mencapai matlamat negara.

Islam merupakan sebuah agama yang berpegang teguh dengan kitab suci yang pertama, Al-Quran. Negara Zikir pula adalah imej sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran-ajaran Islam dan menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dan amalan dalam seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara.

Beliau seterusnya mengongsikan, Mahrajan Bahasa Arab 2022 telah membuka tirainya dengan Seminar Antarabangsa anjuran bersama Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam dan Persatuan Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam, yang telah diadakan pada 19 Disember 2022 dengan membawakan tema yang bermaksud 'Sumbangan Bahasa Arab ke arah ketamadunan

mengongsikan, Mahrajan Bahasa Arab 2022 telah membuka tirainya dengan Seminar Antarabangsa anjuran bersama Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam dan Persatuan Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam, yang telah diadakan pada 19 Disember 2022 dengan membawakan tema yang bermaksud 'Sumbangan Bahasa Arab ke arah ketamadunan

ACARA turut diserikan dengan persembahan.



dan kebudayaan Manusia', yang kemudiannya diikuti oleh pelbagai pertandingan mengikut peringkat masing-masing.

Bagi peringkat universiti, dua pertandingan telah dipertandingkan iaitu Pertandingan Pidato (Khatabah) yang telah dilaksanakan secara hibrid pada Sabtu, 21 Januari 2023 yang lalu dan Pertandingan Video Kreatif (al-Fidio Al-Ibdaie) dengan penyertaan secara online yang telah ditutup penyertaannya pada 28 Februari yang lepas.

Kemudian bagi peringkat menengah atas dan pra universiti, pertandingan meringkaskan cerita (Talkhis Qisah) telah dilaksanakan pada sebelah pagi 8 Februari 2023, sementara bagi peringkat menengah bawah dan rendah pula Pertandingan Bicara Berirama (Al-Kalam Al-Jamaie) telah dikendalikan pada sebelah petang tarikh yang sama.

Manakala bagi pertandingan yang melibatkan penyertaan pelajar-pelajar yang bukan dari aliran Arab pula, Pertandingan Mengeja (Imla) telah dibuat pada 11 Februari 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Auditorium UNISSA itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muanna. Juga hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah kemudian bacaan Al-Quran yang dipersembahkan oleh mahasiswa Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman, yang merupakan johan pada Musabaqah Tilawah Quran Institut Pengajian Tinggi, Piala Canselor 2022.

Acara turut diserikan dengan persembahan oleh johan-johan dari semua kategori.

Turut hadir, pelajar-pelajar sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama, pelajar-pelajar bukan dari sekolah Arab dan individu perseorangan.

PELUANG LANJUTKAN PENGAJIAN DI AS



SEKITAR Pameran Pendidikan Tinggi AS Ke-7 yang dihadiri oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan (atas dan kanan).

GADONG, Selasa, 7 Mac. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan EducationUSA petang tadi menganjurkan Pameran Pendidikan Tinggi AS Ke-7 yang diadakan di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Pameran Pendidikan Tinggi AS Ke-7 memberi peluang kepada pelajar, ibu bapa dan pentadbir sekolah untuk berinteraksi dengan Pegawai Kemasukan dari kolej dan Universiti AS yang mengambil bahagian untuk belajar tentang

Program akademik, prosedur kemasukan, pilihan biasiswa dan bantuan kewangan, dan perohonan visa pelajar.

Pameran Pendidikan Tinggi AS memaparkan wakil daripada lima universiti dan kolej AS dengan pelbagai Program pendidikan di peringkat Sarjana Muda (lepasan ijazah).

Mewakili Institusi Pengajian Tinggi AS pada pameran tersebut termasuk Oregon University, University of Rochester, University of Wisconsin-Eau Claire,

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk Nur Hafilah Pg Osman



Wichita State University dan University of Massachusetts, Amherst.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn McClelland dengan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan alu-aluan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD berkata, "Pameran

Pendidikan Tinggi AS merupakan peluang besar bagi bakal pelajar dari Brunei untuk mengetahui kekuatan pendidikan tinggi di AS yang mana ada mempunyai banyak kepelbagaiannya, fleksibiliti, inovasi dan latihan amali.

Pameran pengajian tinggi turut menampilkan wakil daripada bahagian akreditasi dan biasiswa Kementerian Pendidikan dan anggota alumni daripada Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI), Persatuan Brunei - AS, dan Kedutaan AS.

Kedutaan AS menjadi tuan

rumah acara itu dengan kerjasama EducationUSA, sebuah Jabatan Negara AS yang disokong oleh rangkaian beratus-ratus pusat nasihat di seluruh dunia.

Setiap tahun, Penasihat EducationUSA menyediakan berjuta-juta pelajar antarabangsa dengan maklumat yang tepat, komprehensif, dan semasa tentang bagaimana untuk memohon kepada kolej dan universiti di AS.

Kakitangan EducationUSA juga bekerjasama dengan profesional pendidikan tinggi AS untuk mempromosikan pelajar antarabangsa.

EducationUSA menyediakan perkhidmatan nasihat percuma kepada bakal pelajar antarabangsa di lebih daripada 170 buah negara dan menawarkan pelajar sumber alat iklan untuk membantu mengemudi lima langkah ke kajian AS : menyelidik sekolah, mengenal pasti pembiayaan, melengkapkan permohonan, mendapatkan visa pelajar, dan bersedia untuk berlepas.

Terdapat lebih daripada 4,700 institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf di AS, dan Penasihat EducationUSA boleh membantu pelajar membuat pilihan mereka, menentukan keutamaan mereka, dan merancang kerjaya kolej mereka.

EducationUSA juga boleh memberi pelajar bantuan dalam meneroka peluang biasiswa dan bantuan kewangan.

Acara keagamaan semarakkan malam Nisfu Syaaban

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alisahrin Haji Mumin



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada acara menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban, Tahun 1444 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Bulan Syaaban merupakan antara bulan Islam yang agung. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperbanyakkan ibadah pada bulan ini dan disuntukan bagi kita untuk mempertingkatkan amalan dan ibadah kita sebagaimana yang disebut di dalam hadis-hadis yang sahih.

Setiap 15 Syaaban, umat Islam di negara ini akan menyambut Nisfu Syaaban. Nisfu adalah perkataan Arab yang bermaksud 'pertengahan'. Malam Nisfu Syaaban merupakan salah satu malam yang penuh berkat, rahmat dan dimakbulkan doa-doa.

Dengan kelebihan dan keberkatan yang terdapat pada malam tersebut, umat Islam

adalah digalakkan untuk menghidupkannya dengan memperbanyakkan amal ibadah dan zikir untuk mendapatkan rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, acara menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban, Tahun 1444 Hijrah telah diadakan hari ini bagi menghidupkan malam Nisfu Syaaban di negara ini.

Acara diadakan di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Acara tersebut diisi dengan bacaan Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali selepas menunaikan

Sembahyang Fardu Maghrib, dengan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar diperpanjang umur dengan beramal ibadat kepada-Nya dan memohon agar diajukan daripada bala bencana serta memohon agar dimurahkan rezeki yang halal lagi bermanfaat.

Hadir di Masjid Omar 'Ali Saifuddien selaku tetamu khas ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah - pengarah, Pegawai-pegawai Kanan dan kakitangan dari KHEU serta para jemaah masjid.

COVID-19 : 93 kes disahkan sembah

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Sebanyak 93 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 278,129.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi dan tidak ada kes berada di Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan

rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat ini, sebanyak 88.0 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 12.0 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



120 PESERTA INDUKSI BAGI TENAGA PENGAJAR BAHARU TERIMA SIJIL

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 6 Mac. - Seramai 120 peserta Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu Tahun 2023 Kementerian Pendidikan menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pemangku Pengarah Pengurusan Pendidik, Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Haji Tuah dalam ucapanannya antara lain berkata, pelbagai taklimat, bengkel dan aktiviti yang disusun dapat dijalankan dengan jayanya berkat sokongan padu dan kerjasama daripada 23 buah jabatan di bawah Kementerian

Pendidikan serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang lainnya.

Dayang Masdiah selaku Pengurus Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu seterusnya menyatakan, para peserta juga dikenalkan kepada beberapa inisiatif Kementerian Pendidikan, iaitu di antaranya Literacy and Numeracy Coaching Programme (LNCP); Learning Support Programme; dan Learning Recovery.

Dengan perkongsian berkenaan katanya, diharapkan akan dapat memberikan sedikit gambaran mengenai pelbagai usaha Kementerian Pendidikan dalam menyokong dan memenuhi keperluan pembelajaran pelajar.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada dua orang wakil peserta program, iaitu peserta daripada pengambilan tenaga pengajar di bawah Jabatan Pendidikan Khas, Awang Abdul Azim bin

Haji Abdul Mutalif; dan peserta daripada pengambilan tenaga pengajar dari Program Perantis, Dayang Afiqah Bari'ah binti Haji Emran.

Diikuti dengan pembacaan Ikrar Guru beramai-ramai yang diketuai oleh salah seorang peserta program, Awang Akmal Fauzan bin Abu Bakar.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada 120 peserta program serta sijil penghargaan dan cenderamata kepada wakil-wakil jabatan dan agensi-agensi yang terlibat di sepanjang program yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Program Induksi yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada pelbagai aspek penting dalam kerjaya sebagai seorang tenaga pengajar dan sebagai penjawat awam di Kementerian Pendidikan.

Menerusi program berkenaan,



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta program.

para peserta diharapkan akan dapat memahami Peraturan-peraturan Am dan Peraturan Kerja, mengetahui hala tuju berkerjaya sebagai seorang pendidik dan komited dalam mendukung visi dan misi Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis penutup berkenaan ialah ketua-ketua jabatan, ketua-ketua kluster dan para pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Gitaris Gitaris Awda



PEMANGKU Pengarah Pengurusan Pendidik, Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Haji Tuah dalam ucapanannya (kiri), manakala gambar tengah dan kanan, ucapan daripada dua orang wakil peserta program.

ISB, KKBS anjur Persidangan BGIC

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) akan menganjurkan Persidangan Isu-isu Global Borneo (BGIC) ISB selama empat hari pada 10 hingga 13 Mac 2023.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan ISB, kira-kira 300 pelajar sekolah menengah di seluruh Borneo akan membincangkan dan membahaskan topik berdasarkan salah satu Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

ISB BGIC ialah persidangan gaya Model PBB yang diterajui oleh pelajar tahunan di mana peserta yang mewakili setiap negara akan mengikuti persidangan dalam menangani pelbagai pandangan tentang isu semasa dan dunia sebenar.

Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan pemahaman pelajar tentang kewarganegaraan global dan kemahiran kritis dalam penyelidikan, pengucapan awam dan perundingan.

Tema bagi ISB BGIC Ke-19 ialah Matlamat Pembangunan Manpar PBB 8 - 'Decent Work and Economic Growth'. Para peserta telah tekun mengikuti sesi latihan yang diketuai oleh pemimpin pelajar sejak beberapa bulan kebelakangan ini.



Siaran Akhbar dan Infografik : Sekolah Antarabangsa Brunei

ISB BGIC Ke-19 akan bermula dengan Sidang Media pada minggu ini iaitu Jumaat, 10 Mac 2023, bagi memperkenalkan salah satu daripada dua penceramah utama yang akan berucap pada persidangan itu.

Pada tahun ini, penceramah utama ialah Ketua Sekretariat Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah Siti Hazziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Timbalan Pengarah Urusan dan Pengarah Komersial BSP, Haji Mohd. Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Persidangan ini ditaja oleh Syarikat Petroleum Brunei Shell Sdn. Bhd.; Brunei LNG Sdn. Bhd.; Dynamik Technologies Sdn. Bhd.; Datastream Digital Sdn. Bhd.; Bank Islam Brunei Darussalam; Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. dan Butra HeidelbergCement Sdn. Bhd.

dengan sokongan daripada TLT Enterprise, Syarikat Interhouse, Air Cat Logistics Sdn. Bhd.; D'Sunlit Sdn. Bhd.; Brunei Press Sdn. Bhd. dan Aewon Garment and Embroidery.

Sebanyak 23 sekolah kerajaan dan swasta seluruh Borneo telah mengambil bahagian dalam persidangan ini nanti.



PARA peserta semasa menyertai sesi latihan diketuai oleh pemimpin pelajar baru-baru ini (kiri, atas dan bawah).



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam

Kelas :
I & II

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSETE001 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pembaikan,
Mencat dan Yang Berkaitan
Bagi Masjid Rancangan
Perumahan Negara
Kampung Rataie,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam



No. Projek :
2023DBSETM / JKR001

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-LE / 06 / 2023

Nama Projek :
Pemeliharaan Lif 'Kone'
Di Kompleks Program
Khidmat Bakti Negara
(PKBN), Kampung Batu
Apoi, Mukim Puni, Daerah
Temburong Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun -
(Retender)

Kelas :
MoD Approved Lift Contractor



Kategori :
KPME02

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran
Pada :**
Selasa, 21 Mac 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Mac 2023,
Jam 12.00 Tengah hari

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Sahaja - Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 006 / 2023
- (CDE).T.II

Nama Projek :
Pemasangan Tangki
Pencemaran Kasar di Burong
Pingai Berakas.

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen : -

Kelas :
V & VI

Kategori :
KA01 Sahaja - Kod Baharu

Bilangan Tawaran :



**JKR / DDS 007 / 2023 - (SEW).T.
V**


Nama Projek :
Kontrak Bermusim Tiga (3)
Tahun Bagi Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sivil
Pembetungan di Daerah
Brunei-Muara, Tutong
dan Temburong

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen : N/A

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
28 Mac 2023

Tarikh Tutup :
Selasa,
11 April 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

Penerbitan Iklan

UNISSA / SB0081 / 2022 / 2023 -
Perkhidmatan Membekal dan
Menghantar Jamuan Bagi
Mesyuarat, Majlis, Acara Aktiviti
Anjuran Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA)
Selama Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 15 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)


Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 Mac 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang





JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK

Iklan Pemberitahuan

Bilangan Tawaran :
JPES / FIN / 6 / TENDER / UMUM /
2022-2023 / 1

Tajuk Tawaran :
Development Of The Household
Expenditure Survey (HES) 2023 /
24 System to the Department
Of Economic Planning and
Statistics, Ministry Of Finance
and Economy

Tarikh Buka Tawaran :
Rabu,
8 Mac 2023,

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENENDER adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 2 kerja berikut :

Bilangan Tawaran :
1. 028 / HQ / 2022 - S [050 /
LOG / 2022 - S] REQUOTE

Tajuk Tawaran :
The Supply and Delivery
Of Pre-Printed Cards For
Pass Section, Royal Brunei
Police Force

Bilangan Tawaran :
2. 011 / HQ / 2023 - S [010 /
LOG / 2023 - S]

Tajuk Tawaran :
The Supply and Delivery
Of HF Radio Base Station
Antenna For Royal Brunei
Police Force

Tarikh Tutup Tawaran :
 Isnin, 27 Mac 2023,
Tidak lewat jam 10.00 Pagi



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
(14)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
PENGUBAHSUAIAN DAN
PENAMBAHAN FASILITI
PADANG ONG SUM PING BAGI
KEMUDAHAN ATLET
PARALIMPIK

Bilangan Tawaran :
(15)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
KERJA-KERJA
PENAMBAHAN BIRD SPIKE
PADA GRANDSTAND PADANG
DAN BELAPAN, KOMPLEKS
SUKAN TEMBURONG

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
9 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

 Iklan dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



سورو هنجاي قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.



1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

4 **Tandakan “✓” pada kotak semak “Jawatan Sekarang”**
di dalam ruangan “Pengalaman Kerja Kerajaan”

5 **Lengkapkan Maklumat**
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

PAPAN TANDA KETUA KAMPUNG DBM DIRASMIKAN



PERASMIAAN papan tanda di kediaman Ketua Kampung Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Berakas, Mukim Berakas 'A', Awang Abdul Hafiz bin Haji Manan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Mac - Perasmian Papan Tanda Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan pagi ini bagi lima jawatan ketua-ketua yang telah diisikan secara tetap di kediaman masing-masing.

Perasmian papan tanda di kediaman Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung berkenaan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Perasmian Papan Tanda tersebut bermula di kediaman Ketua Kampung Kapok, Mukim Serasa, Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman yang dilantik secara rasmi pada 2

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Julai 2022, diikuti di kediaman Ketua Kampung Sungai Tilong, Mukim Berakas 'B', Pengiran Haji Ruzaini bin Pengiran Haji Shabuddin yang menjawat jawatan berkenaan pada 12 Disember 2022.

Setelah itu, Awang Abdul Walid menyempurnakan perasmian papan tanda di kediaman Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B', Awang Haji Omar bin Haji Sapar yang menjawat jawatan tersebut bermula pada 12 Disember 2022.

Kemudian, perasmian juga diteruskan di kediaman Ketua Kampung Lambak 'B', Mukim

Berakas 'A', Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Haji Zaidi yang mula menjawat jawatan berkenaan bermula 12 Disember 2022.

Majlis diakhiri dengan perasmian papan tanda di kediaman Ketua Kampung Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Berakas, Mukim Berakas 'A', Awang Abdul Hafiz bin Haji Manan yang mula menjawat jawatan bermula 12 Disember 2022.

Juga hadir, Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim, para pegawai kanan KHEDN, Ahli-ahli Majlis Perundungan Mukim dan Kampung berserta penduduk mukim dan kampung masing-masing.

South East Asia Conference of Commandants dirasmikan



PEMERINTAH Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Majlis Pembukaan Persidangan tersebut.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

TANAH JAMBU, Selasa, 7 Mac - Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) bersama Akademi Pertahanan United Kingdom buat julung kalinya mengendalikan South East Asia Conference of Commandants yang berlangsung dari 7 hingga 8 Mac 2023, dengan tema 'Professional Military Education in the 21st Century'.

Persidangan diadakan di Auditorium AP ABDB dan hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Majlis Pembukaan Persidangan tersebut ialah Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir adalah Pegawai-pegawai kanan ABDB, Pengarah-pengarah tentera dan awam, Atase-atase / Penasihat-penasihat Pertahanan, perwakilan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) serta pegawai-pegawai ABDB.

Persidangan selama dua hari itu dipengerusikan bersama oleh Komandan AP ABDB, Kolonel Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof, dan Komandan Akademi Pertahanan United Kingdom, Mejai Jeneral Andrew Roe.

Persidangan disertai oleh ketua-ketua universiti pertahanan dan akademi tentera dari Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia,



PEMERINTAH TUDB bergambar ramai pada South East Asia Conference of Commandants yang berlangsung dari 7 hingga 8 Mac 2023, dengan tema 'Professional Military Education in the 21st Century'.

Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa dipimpin oleh Pegawai Jabatanrahan Agama ABDB dan diikuti dengan ucaptama daripada tetamu kehormat yang mana antara lain, beliau menekankan kepentingan menerapkan pendidikan tentera profesional dan pembelajaran kepada anggota-anggota tentera, terutama sekali dalam menghadapi keadaan sekuriti antarabangsa dan geopolitik yang dinamik dan sentiasa berkembang. Ini kemudian diteruskan dengan tayangan video bagi merasmikan pembukaan majlis tersebut.

Majlis diteruskan dengan pembentangan dua topik pengenalan di mana topik pertama mengenai 'Overview of Professional Military Education with Regional Perspective' disampaikan oleh Dr. Bernard Loo, Senior Fellow Coordinator of MSc (Strategic Studies) Programme of S. Rajaratnam School of International Studies in Nanyang Technological University, Republik Singapura dan pembentangan yang kedua bertajuk 'Delivering Education in the 21st Century' yang disampaikan oleh Mejai Jeneral Andrew Roe.

Persidangan ini menampilkan pembentangan dari beberapa Ketua Delegasi serta pembentangan yang terpilih, di mana topik yang dikongsikan meliputi pembelajaran teradun (pengajaran

daripada COVID), dimensi manusia, operasi maklumat dan pendidikan dalam operasi pelbagai lingkungan.

Selain dari perkongsian amalan terbaik, persidangan ini juga berperanan sebagai landasan penting bagi diplomasi

pertahanan serta mengukuhkan hubungan latihan bersama institut pengajian tinggi ketenteraan di rantau ini.



suruハンجاي قرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

#1

Format fail yang betul

PDF:
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

#2

Saiz fail tidak melebihi **3MB**



#3

Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna



#4

Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



30 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

SUNGAI HANCHING, Selasa, 7 Mac. - Dalam membantu meningkatkan tabung simpanan darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS, hari ini, mengadakan Kempen Derma Darah berlangsung di Atrium, Kompleks Membeli-Belah OneCity,

Kampung Sungai Hanching, di sini.

Kempen Derma Darah diadakan bersamaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39. Sebanyak 30 pain darah berjaya dikumpulkan pada kempen tersebut.

Kempen Derma Darah yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang itu juga bertujuan bagi memberi kesedaran kepada orang awam akan manfaat menderma

darah terhadap kesihatan di samping memupuk sifat kebajikan dalam membantu pesakit yang memerlukan.

Orang ramai adalah digalakkan untuk menderma darah semasa kempen-kempen derma darah atau datang ke Pusat Pendermaan Darah.

Pendermaan darah secara kerap dan sukarela adalah penting bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa di tahap yang sihat dan mencukupi bagi menampung penggunaan di kesemua hospital di Negara Brunei Darussalam.



KEMPEN Derma Darah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 yang berlangsung di Atrium, Kompleks Membeli-Belah OneCity, Kampung Sungai Hanching (atas dan atas kanan).



Padah miliki barang tegahan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BELAIT, Selasa, 7 Mac. - Seorang lelaki, penduduk tetap, dijatuhan hukuman denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda, di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Hukuman tersebut dijatuhan oleh Pemangku Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret Kuala Belait, di sini.

Nor Azman bin Abdullah@Tonis anak Nopet, 66 Tahun, mengaku bersalah atas satu pertuduhan didakwa memiliki 21 paket rokok pelbagai jenis.

Tangkapan terhadap defendan dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Daerah Belait, di rumah di kawasan Barek Lorong 3 Seria, pada 16 Februari 2021, jam 12.15 tengah hari.

Dipenjara jika gagal bayar denda

BELAIT, Selasa, 7 Mac. - Akibat memiliki barang tegahan, seorang lelaki, warganegara Bangladesh, Sohag Sarder dijatuhan hukuman atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (b) Perintah Eksais, 2006.

Bagi pertuduhan pertama, defendan didenda sebanyak BND12,056.00 atau 12 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda manakala, pertuduhan kedua pula defendan dikenakan denda sebanyak BND5,000.00 atau lima bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda tersebut.

Hukuman terhadap Sohag Sarder diputuskan oleh Majistret Harnita Zelda Skinner di Mahkamah Majistret, Kuala Belait, hari ini.

Sohag Sarder, berusia 32 tahun, didakwa melakukan kesalahan tersebut kerana memiliki 15 karton dan 13 batang rokok berbagai jenama dan satu botol minuman keras.

Tangkapan dibuat oleh Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei, di kawasan Lebuhraya Sungai Akar Menghala ke Pusing Keliling Subok, pada 9 Februari 2023 jam 9.15 malam.

Kesemua barang-barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.




كمترین سومنبر ۲ اوتمام دان ڦانچو ڻون
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

KEMPEN DERMA DARAH KEBANGSAAN
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NBD KE-39



Hari Khamis, 9hb Mac 2023

9 Pagi - 12 Tengahari

**DEWAN SERI KENANGAN,
KOMPLEKS DEWAN KEMASYARAKATAN
DAERAH TUTONG**

www.mpri.gov.bn  mpri_brunei

Perkara Yang Memutuskan Puasa Kaffarah Dua Bulan Berturut-Turut

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BERPUASA selama dua bulan berturut-turut merupakan salah satu jenis *kaffarah* yang wajib ditunaikan oleh lelaki yang sengaja melakukan jima' di siang hari bulan Ramadhan, suami yang menzihar isterinya dan orang yang membunuh tanpa hak jika mereka tidak mampu untuk memerdekaan seorang hamba.

Maksud berturut-turut itu ialah puasa *kaffarah* yang wajib itu hendaklah ditunaikan secara berterusan selama dua bulan tanpa terputus. Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin*, jika batal puasa orang yang diwajibkan puasa *kaffarah* dua bulan itu pada satu hari walaupun pada hari yang terakhir bagi tempoh dua bulan tersebut, maka dia hendaklah memulakan puasa *kaffarah* dua bulan dari awal.

Maksud dua bulan itu adalah mengikut kiraan dua bulan Hijrah sama ada bulan Hijrah itu dua puluh sembilan hari atau tiga puluh hari bagi orang yang memulakan puasanya pada awal bulan (hari pertama bulan). Sekiranya dia tidak memulakan puasanya pada awal bulan, maka kiraan puasanya itu hendaklah disempurnakan pada bulan ketiga agar jumlah kiraan harinya menjadi tiga puluh hari, dan kiraan puasa pada bulan kedua adalah mengikut kiraan hari bulan tersebut sama ada dua puluh sembilan hari atau tiga puluh hari.

Sebagai contoh bagi orang yang memulakan puasa *kaffarah* pada 5 hari bulan Muharram dan bulan Muharram pada tahun itu adalah dua puluh sembilan hari, ini bererti kiraan hari puasanya pada akhir bulan Muharram adalah berjumlah dua puluh lima hari. Maka untuk memenuhi tuntutan puasa dua bulan berturut-turut, dia hendaklah meneruskan puasanya pada bulan Safar sepenuhnya dan seterusnya pada 1 hari bulan Rabi'ulawal hingga 5 hari bulan Rabi'ulawal.

Namun persoalannya, apakah perkara-perkara yang boleh memutuskan syarat berturut-turut itu? Oleh yang demikian, Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan perkara-perkara yang memutuskan puasa *kaffarah* dua bulan berturut-turut.

Menurut para ulama, perkara yang memutuskan syarat berturut-turut dalam puasa *kaffarah* dua bulan ada kalanya berlaku bukan disebabkan keuzuran, dan ada kalanya berlaku disebabkan keuzuran. Berikut dijelaskan perkara tersebut serta hukumnya:

1. Putus Bukan Disebabkan Keuzuran.

Menurut Imam al-Qalyubi *Rahimahullah* dalam hasiyahnya, haram hukumnya bagi

seseorang memutuskan syarat berturut-turut bagi puasa *kaffarah* dua bulan tanpa ada sebarang keuzuran kerana tempoh dua bulan itu adalah seperti tempoh satu hari dalam perkara *kaffarah* puasa.

Apabila terlupakan satu hari daripada dua bulan yang bukan disebabkan keuzuran seperti lupa berniat puasa *kaffarah* di malam hari atau melakukan perkara yang membatalkan puasanya di siang hari, maka perbuatan sedemikian adalah memutuskan syarat berturut-turut. Begitu juga orang yang membatalkan puasa tanpa sebarang keuzuran sedangkan dia tahu akan keharaman membatalkan puasa *kaffarah* itu sekalipun dalam keadaan dia jahil bahawa perbuatannya itu memutuskan syarat berturut-turut, juga adalah dikira memutuskan syarat berturut-turut.

Selain itu, jika seseorang berpuasa sunat atau nazar atau qadha' pada ketika dia berpuasa *kaffarah* dua bulan, maka ia juga adalah memutuskan syarat berturut-turut.

Begitu juga halnya jika seseorang memulakan puasa *kaffarah* dua bulan pada suatu waktu tertentu yang dia tahu bahawa dalam tempoh dua bulan daripada waktu yang dimulakkannya itu akan ada satu hari yang tidak sah berpuasa pada hari tersebut seperti Hari Raya Adhha atau diselang bulan Ramadhan, maka jika dia teruskan untuk berpuasa juga dengan pengetahuannya itu, maka menurut Imam al-Qalyubi *Rahimahullah*, puasanya dari awal dihukumkan batal kerana dia mempermainkan puasanya. Walau bagaimanapun, jika dia jahil tentang adanya tempoh yang tidak sah berpuasa pada hari tersebut dan dia telah memulakan puasanya, maka puasanya itu tidaklah dikira sebagai puasa *kaffarah* dan dia hendaklah memulakan semula puasa *kaffarah*nya, namun puasa yang telah dilakukannya akan berubah menjadi puasa sunat.

2. Putus Disebabkan Keuzuran.

Syarat berturut-turut bagi puasa *kaffarah* dua bulan itu akan dikira putus dalam

keadaan-keadaan berikut sekalipun ia disebabkan oleh keuzuran:

a. Seseorang yang berbuka puasa ketika dalam pelayaran yang diharuskan baginya berbuka puasa.

b. Perempuan yang menyusukan anak damit dan perempuan hamil yang berbuka puasa sama ada kerana takut akan berlaku mudarat pada dirinya sahaja atau mudarat terhadap anaknya.

c. Seseorang yang berbuka puasa kerana sakit.

d. Seseorang yang berbuka puasa kerana merasa sangat lapar.

Oleh itu, apabila syarat berturut-turut itu dikira putus, maka seseorang itu hendaklah memulakan semula puasa *kaffarah* dua bulan.

Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa keuzuran yang tidak memutuskan syarat berturut-turut seperti mana dalam keadaan-keadaan berikut:

a. Perempuan yang kedatangan haidh jika ia dari kalangan perempuan yang tempoh sucinya tidak sampai dua bulan kerana pada kebiasaan perempuan didatangi haidh pada setiap bulan dan jika dia dituntut bersabar untuk melaksanakannya sehingga dia putus haidh, maka perkara itu merupakan sesuatu kepayaan bagi diri perempuan tersebut.

Oleh yang demikian, apabila haidhnya terhenti, maka dia hendaklah menyambung puasanya bagi mengelak terputus syarat berturut-turut puasa dua bulan.

Berbeza halnya jika perempuan itu pada kebiasaan suci daripada haidh selama dua bulan atau lebih. Dalam keadaan ini menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, jika dia berpuasa *kaffarah* semasa dia suci daripada haidh (ketika tempoh dua bulan itu) lalu dia didatangi haidh, maka syarat berturut-turut itu akan terputus.

b. Perempuan nifas.

c. Orang yang gila sama ada gilanya itu

MENURUT para ulama, perkara yang memutuskan syarat berturut-turut dalam puasa *kaffarah* dua bulan ada kalanya berlaku bukan disebabkan keuzuran, dan ada kalanya berlaku disebabkan keuzuran.



IRSYAD HUKUM

جَاتِقْ مُعَنِّي كَلِيجَانْ
جَاتِقْ مُعَنِّي كَلِيجَانْ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

hanya sehari atau lebih. Berlainan halnya jika sekiranya pada waktu malam, dia dengan sengaja meminum ubat yang menyebabkannya menjadi gila, maka ia akan memutuskan syarat berturut-turut.

d. Orang yang pengsan sepanjang hari. Namun jika dia sempat sedar pada waktu siang walaupun sekejap, maka ia tidak membatalkan puasanya.

Kedudukan Puasa *Kaffarah* Yang Terputus Syarat Berturut-Turut

Jika seseorang melakukan perkara yang memutuskan syarat puasa *kaffarah* dua bulan berturut-turut, apakah kedudukan puasa yang telah dilakukannya?

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menjelaskan bahawa apabila syarat berturut-turut puasa *kaffarah* itu terbatal dan dia wajib memulakan puasa *kaffarah* dua bulan dari awal, maka puasa *kaffarah* yang telah dilakukannya itu akan bertukar menjadi puasa sunat, sama ada syarat berturut-turut itu terbatal disebabkan suatu keuzuran atau bukan disebabkan keuzuran. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*:

*Ertinya: Dan hilang (kiraan) berturut-turut dengan luput satu hari daripada dua bulan itu walaupun (yang terlupakan itu hari) terakhir (daripada) dua bulan itu tanpa keuzuran seperti dia lupa berniat kerana (terlupa niat itu) dirisbahkan ia kepada suatu jenis kecuaian, dan bertukar (puasa *kaffarah*) yang telah lalu itu menjadi puasa sunat, sekalipun dia merosakannya (puasa dua bulan berturut-turut itu) tanpa keuzuran dan begitu juga (hilang kiraan berturut-turut dengan luput satu hari daripada dua bulan itu walaupun yang terlupakan itu hari terakhir daripada dua bulan itu) dengan keuzuran.*

Demikianlah penjelasan mengenai perkara yang memutuskan puasa *kaffarah* dua bulan berturut-turut.

Al-Quran sebagai penyembuh

penyakit yang kita hidapi dengan tenang, sabar dan ikhlas selain berdoa secara bersungguh-sungguh untuk meminta kesembuhan seperti firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah Al-Anbiyyaa', ayat 83 - 84 yang mafhumnya :

"Dan (ingatlah kisah) Nabi Ayyub ketika dia berdoa kepada Tuhanmu : "(Ya Tuhanku)! Sesungguhnya aku ditimpakan penyakit dan Engku adalah Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih". Maka Kami memperkenankan doanya lalu Kami menghapuskan penyakit yang menimpanya...".

Seperti yang kita ketahui, Nabi Ayyub Alaihissalam pernah diuji dengan penyakit yang berat, namun Baginda tidak pernah mengeluh mahupun mengadu kepada sesiapa melainkan Allah Subhanahu Wata'alaa di dalam doanya. Hingga suatu hari doanya dimakbulkan dan Allah Subhanahu Wata'alaa memberikan kesembuhan buatnya. Selain bersabar, berdoa dan berusaha,

kita juga harus berikhtiar dalam menangani penyakit tersebut dengan pelbagai cara yang tidak menyalahi tuntutan syarak. Salah satu ikhtiar yang boleh kita lakukan adalah dengan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'alaa dengan memperbanyak ibadah kepada-Nya seperti membaca Al-Quran. Sesungguhnya sudah tertulis di dalam Al-Quran bahawa setiap penyakit itu ada penawarnya di dalam Al-Quran :

"Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman..." (Surah Al-Israa', ayat 82).

Perlu diingat juga bahawa menghidapi sesuatu penyakit bukan hanya dugaan dan ujian bagi yang menghidapinya melainkan juga dugaan dan ujian bagi orang sekelilingnya. Jadi apabila melihat orang yang dihidapi penyakit, jangan sekalipun kita menghina dan mencaciya. Sebaliknya lihatlah ia sebagai peringatan untuk diri kita

sendiri kerana mungkin suatu hari nanti kita juga mungkin akan melaluinya dengan penyakit yang sama atau berbeza. Sesungguhnya, tiada seorang pun manusia yang akan terlepas daripada ujian. Apabila kita diuji dengan penyakit, hendaklah kita menyedari dan menginsafi segala kesalahan yang kita lakukan dalam sedar mahupun tidak. Perbanyakkanlah istighfar dan muhasabah diri selain berharap agar dosanya akan terhapus bersama penyakitnya serta berusaha mengubati penyakit tersebut.

Bagi ahli keluarga, kawan mahupun kenalan si pesakit, hendaklah ia membantu dan menemani serta memberikan nasihat yang berguna buatnya agar kedua-duanya akan mendapat ganjaran yang baik dari Allah Subhanahu Wata'alaa. Apapun dugaan dan ujian yang kita hadapi, ingatlah untuk sentiasa kembali kepada-Nya kerana itulah yang diinginkan oleh-Nya daripada hamba-Nya ketika diuji.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كُلُّ لَنْ قُوَسْتَ دُعَوَه اسْلَامِيه

SETIAP penyakit yang diderita dan dihidapi seseorang itu merupakan cubaan dan ujian yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'alaa agar mereka bertaubat dan sentiasa mengingat Allah. Seperti firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah Al-Insaan, ayat 29 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya ini menjadi peringatan. Maka sesiapa menghendaki (kebaikan dirinya) nescaya dia mengambil jalan (yang menyampaikannya kepada keredaan) Tuhanmu".

Selain berusaha dan berikhtiar dengan berubat secara medikal dan tradisional, sebagai umat Islam kita dituntut untuk meminta pertolongan dari Allah Subhanahu Wata'alaa kerana dari Allah penyakit itu datang dan dari Allah jugalah datang penawarnya. Kerana itu kita hendaklah menerima segala

BANTU KESAN 2 PEKERJA LARI DARIPADA MAJIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BANTU kesan dua pekerja warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan dua pekerja warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.

Pekerja-pekerja tersebut ialah Dewi Natalia, perempuan, 34 tahun dengan nombor pasport, C8396097 dan Wiwin Winarni,

perempuan, 39 tahun dengan nombor pasport, C9306560.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.

Lelaki dikehendaki bantu siasatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki bagi membantu siasatan pihak Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.

Lelaki tersebut ialah Pengiran Haji Mohd. Yasrizam Ayub bin Pengiran Haji Yaakub, warga tempatan dengan nombor Kad Pengenalan, 00-262148 (kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 / 333 atau Talian Kecemasan Polis, 993.



PENGIRAN Haji Mohd. Yasrizam Ayub bin Pengiran Haji Yaakub, warga tempatan dengan nombor Kad Pengenalan, 00-262148 (kuning).

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULAH (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



Kenali Bahasa Brunei

Balaha-laha bermaksud sudah dibuka atau sudah ditanggalkan, biasanya barang mainan, enjin kereta, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : abis udah **balaha-laha** inggin mutu atu ulihku, inda juu kadapatan apa rusaknya.

Malaka bermaksud membuka kulit buah durian dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : Si Adul kuat makan durian, ganya **malaka** durian inda ia pemandai.

Malakah bermaksud merekah atau terbuka sedikit kulitnya tentang buah, kerang-kerangan, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : luan batah bisdia mamaram durian atu, banyak udah yang **malakah**.

Lambung-lambung bermaksud naik ke atas tentang bola yang ditendang atau perahu yang dipukul ombak berulang kali.

Contoh pemakaian kata : nampak basar umbak di laut atu, **lambung-lambung** parahu atu kana ambat umbak.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



RPN SERASA



Foto : Azmah Haji Ahad

Cucur Bubuk

BAHAN-BAHANNYA :

500 gm bubuk mentah
Setengah kilo tepung gandum
2 sudu besar tepung beras
5 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
1 sudu makan lada kisar
3 ulas lada padi

2 batang daun sup

2 batang daun bawang
Garam dan ajinamoto secukup rasa

1 sudu teh gula jika mahu
Minyak untuk menumis

CARA MEMASAK :

Masukkan tepung ke dalam

bekas. Kemudian, masukkan bubuk mentah, bawang merah, bawang putih, lada kisar, lada padi, daun bawang, daun sup, garam, ajinamoto, dan gula. Gaul rata. Rehatkan sekejap. Baru digoreng (dicur) hingga kekuningan.



Tangani obesiti, tingkatkan produktiviti kualiti hidup

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

MASALAH obesiti sudah menjadi suatu norma dalam kalangan masyarakat walaupun keburukannya kerap sekali disiarkan di televisyen, sosial media, malah di tempat awam. Masih ramai memandang remeh dan tidak menganggap obesiti ini sebagai penyakit. Malah, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) sendiri mengklasifikasi masalah obesiti ini sebagai epidemik dan penyakit kronik.

Masalah obesiti ini memberi impak negatif dari segi rupa, bentuk badan, mental dan juga kesihatan seseorang. Tidak dinafikan menangani masalah obesiti adalah antara perkara yang sukar dari segi perubahan pemakanan, keadaan kesihatan lain dan gaya hidup. Namun, kebanyakan masyarakat kita lebih selesa untuk mengabaikan masalah ini.

Apa itu obesiti?

Obesiti adalah pengumpulan lemak berlebihan sehingga menyebabkan berat badan seseorang individu melebihi tahap normal dan memberi kesan kepada kesihatan. Bagaimana keadaan obesiti ini diukur?

Antara kaedah yang biasa digunakan ialah Indeks Jisim Badan (BMI). BMI atau terma penuhnya Body Mass Index ini diukur menggunakan berat badan dan ketinggian seseorang individu. Formula BMI ini mempunyai kategori dalam beberapa tahap dan berbeza untuk jantina lelaki dan wanita.

Sangat penting untuk kita sentiasa peka dan ambil tahu tentang berat badan dan Body Mass Index kita. Ini dapat membantu kita untuk lebih prihatin dalam mengurus atau mengawal berat badan terutamanya bagi individu yang mempunyai berat badan berlebihan. Bukan itu sahaja, malah individu yang kurang berat badan juga perlu menitikberatkan BMI mereka, kerana berat badan yang berkurangan juga boleh membawa risiko kesihatan.

Kadar obesiti di Negara Brunei Darussalam

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kadar obesiti dalam kalangan orang dewasa adalah di antara yang paling tertinggi di

rantau ini; dengan hampir tiga daripada 10 orang dewasa didapati obes menurut Kaji Selidik Penyakit Tidak Berjangkit 2016.

Kaji selidik 'Global School-based Health Survey (GSHS)' 2019 menunjukkan kadar obesiti dalam kalangan remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun pula adalah 18.1 peratus. Saringan kesihatan yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Kementerian Kesihatan dalam kalangan para pelajar di seluruh negara mendapat kadar obesiti dalam kalangan para pelajar Tahun 1, Tahun 4 dan Tahun 7 dalam tempoh masa 10 tahun kebelakangan adalah di antara 17 peratus ke 19 peratus.

Di peringkat global pula, dianggarkan 1.9 bilion orang dewasa adalah obes, iaitu satu dalam empat orang dewasa yang obes pada tahun 2035. Kadar obesiti dalam kalangan kanak-kanak juga merisaukan kerana ia dianggarkan meningkat sebanyak 100 peratus di antara tahun 2020 dan 2035 nanti jika tiada tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini. Persekutuan Obesiti Sedunia menganggarkan kos perubatan di seluruh dunia untuk merawat pelbagai jenis penyakit yang berkaitan dengan obesiti adalah sebanyak USD4.32 trilion pada tahun 2035 kecuali jika usaha dalam menangani dan mengurangkan kadar obesiti dipergiatkan dan diperkuuhkan.

Jenis obesiti

Ramai yang tahu tentang penyakit atau masalah obesiti tapi tidak ramai yang tahu bahawa ada beberapa jenis obesiti :

1. Obesiti Makanan

Obesiti makanan adalah sejenis obesiti di mana seseorang individu mempunyai ketagihan dengan makanan tidak sihat seperti makanan ringan dan makanan segera.

2. Obesiti Aktif

Obesiti aktif adalah sejenis obesiti yang berkait rapat dengan kekurangan bersenam dan aktiviti fizikal. Ini menyebabkan bahagian badan seseorang individu dengan jenis obesiti ini membentuk lemak dengan cepat.

3. Obesiti Gluten

Biasa berlaku dalam kalangan wanita sewaktu tempoh perubahan hormon seperti

semasa mencapai akil baligh, kehamilan dan menopaus.

4. Obesiti Keresahan

Berkait rapat dengan tahap tekanan dan kemurungan.

5. Obesiti Aterogenik

Sejenis obesiti yang sangat berbahaya kerana disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol yang boleh menjaskan organ dan pernafasan.

6. Obesiti Vena

Obesiti Vena ini disebabkan oleh masalah pada aliran darah dalam vena. Biasa terjadi semasa kehamilan.

Setiap jenis obesiti ini mempunyai punca-puncanya yang tersendiri.

Faktor risiko dan punca obesiti

Kebiasaannya, sesuatu keadaan atau penyakit tidak terjadi dengan sendirinya. Semestinya ada faktor atau punca yang mengakibatkan sesuatu keadaan dan penyakit. Di antaranya ialah tidak mengamalkan penyusuan susu ibu; amalan pemakanan kanak-kanak yang dipengaruhi persekitaran; gaya hidup sedentari; tekanan emosi atau kewangan; gangguan tidur dan sebagainya.

Namun masih terdapat beberapa punca dan faktor yang meningkatkan risiko untuk seseorang mengalami masalah obesiti. Kita perlu mengubah persepsi mengenai obesiti sebagai masalah individu. Punca obesiti bukan satu, malah akibat pelbagai faktor. Oleh itu, selain daripada tindakan individu sendiri dan ahli keluarga, pendekatan bersepudu adalah diperlukan oleh semua lapisan masyarakat dan pelbagai sektor bagi sama-sama menangani dan membantu peningkatan kadar obesiti di negara kita.

Pemakanan yang tidak sihat

Selain itu, faktor yang turut menyumbang kepada obesiti ialah pola pemakanan kita. Kita sering dinasihatkan untuk menjaga atau mempunyai diet pemakanan yang sihat dan seimbang supaya badan dapat nutrisi yang mencukupi. Pemakanan yang sihat dan seimbang tidak bermakna kita perlu pantang makanan ringan, segera dan manis sepenuhnya. Mengamalkan kesederhanaan adalah jalan yang terbaik. Pengambilan

makanan tidak sihat secara berlebihan akan menyebabkan badan kita memerangkap lebih banyak lemak dan kalori.

Komplikasi kesihatan akibat obesiti

Masalah obesiti sering dipandang rendah. Oleh itu, kesedaran perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat di negara kita Brunei Darussalam. Obesiti bukan sahaja merujuk kepada peningkatan berat badan semata-mata, malah ia boleh meningkatkan risiko komplikasi kesihatan yang lain. Penghidap obesiti berisiko tinggi untuk mengalami komplikasi kesihatan seperti :

- Gangguan sistem pencernaan (pedih ulu hati, GERD, dan lain-lain)
- Ketidaksuburan dan mati pucuk
- Diabetes Mellitus/Kencing Manis
- Masalah kardiovaskular (Serangan jantung, Aritmia, Penyakit Jantung Koroner, Kegagalan jantung, Strok)
- Risiko menghidap kanser payudara, serviks, ovarи, rahim, rektum, pankreas, hati, buah pinggang dan prostat meningkat
- Osteoarthritis akibat daripada beban berlebihan terhadap sendi
- Mudah mendapat masalah tekanan darah tinggi

Kesimpulannya

Alhamdulillah di negara kita, dasar untuk mengawal pemasaran makanan dan minuman yang tinggi gula, garam dan lemak kepada kanak-kanak mula dilaksanakan pada bulan Januari 2022. Dasar yang dikenali sebagai Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-Kanak di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu usaha Kementerian Kesihatan dalam menangani dan mencegah obesiti di negara ini, khususnya dalam kalangan kanak-kanak, selain juga menyediakan perkhidmatan Klinik Obesiti (bagi dewasa) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha melalui rujukan dari Pusat-Pusat Kesihatan berdekatan.

Kesimpulannya, sangat penting untuk kita sentiasa peka dengan berat badan, pemakanan, gaya hidup dan keadaan kesihatan diri. Hal ini kerana, obesiti boleh terjadi kepada seseapa sahaja tidak mengira peringkat usia.





Mengimbau kembali keunikan seni anyaman

Oleh : Noor Amalia Nabilah Zainuddin,
Penempatan Mahasiswa Universiti
Brunei Darussalam di Seksyen
Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Noor Amalia Nabilah
Zainuddin, Baun Yee

NEGERA Brunei Darussalam kaya dengan warisan khazanah budaya material. Budaya material merupakan hasil pertukangan dan kraf tangan seperti pertukangan kayu, tembikar, logam, kain tenunan dan anyaman. Ia akan menjadi peninggalan yang akan diwariskan dari satu generasi kepada generasi yang lain. Hasil pertukangan tangan atau kraf tangan melambangkan sumber ekonomi dan identiti budaya dan bangsa negara. Kraf tangan diciptakan untuk memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat mengikut perkembangan semasa.

Ruang warisan pada kali ini akan mengimbau kembali salah satu seni kraf tangan iaitu anyaman. Anyaman merupakan antara kesenian tradisi tertua di dunia yang mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Ia adalah satu proses menyilangkan bahan-bahan yang diperoleh daripada tumbuh-tumbuhan sehingga menjadi satu barang yang boleh digunakan.

Pada zaman dahulu, kegiatan seni anyaman merupakan kegiatan yang dilakukan oleh kaum wanita bagi mengisi masa lapang dan mata pencarian. Jika seorang wanita itu tidak mempunyai kemahiran dalam seni anyaman akan dianggap tidak mempunyai sifat kewanitaan yang lengkap. Seni anyaman ini juga dapat dilihat pada dinding, perabot atau perhiasan rumah orang-orang zaman dahulu.

Bahan utama yang sering digunakan dalam menghasilkan seni kraf ini adalah tumbuh-tumbuhan yang boleh dianyam seperti rotan, mengkuang, lidi, buluh, pandan dan ribu-ribu. Peralatan-peralatan

yang digunakan dalam proses pembuatan anyaman adalah seperti parang, pelurut, jangka, belantan, penyisip dan pisau.

Terdapat enam jenis anyaman iaitu anyaman mengkuang, anyaman pandan, anyaman buluh, anyaman rotan, anyaman lidi dan anyaman ribu-ribu. Jenis-jenis anyaman ini adalah berdasarkan daripada jenis bahan-bahan yang digunakan.

Keunikan dan kreativiti masyarakat dalam kesenian anyaman ini diwarisi secara turun temurun yang membolehkan untuk menghasilkan barangan seperti Takiding, Beg Rotan, Tikar Mengkuang, Tampi, Nyiru, tikar, Bubu, Tudung Dulang dan lain-lain. Hasil kraf anyaman tersebut akan dijadikan sebagai alat untuk kegunaan sendiri seperti perhiasan rumah, hadiah atau untuk tujuan jualan.

Takiding

Takiding merupakan salah satu hasil kraf tangan anyaman yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Ia merupakan satu alat yang digunakan untuk membawa barang bagi Puak Dusun dan Kedayan. Selain daripada membawa barang, Takiding juga sering digunakan oleh para petani untuk mengangkat padi, buah-buahan atau bekalan.

Bahan-bahan utama yang diperlukan dalam menghasilkan Takiding adalah buluh, rotan dan daun kayu. Buluh akan digunakan untuk menjadi badan Takiding tersebut. Manakala, rotan dan daun kayu akan dijadikan sebagai bingkai dan turus takiding. Tempoh pembuatan Takiding adalah bergantung kepada ukuran Takiding tersebut iaitu antara tiga hingga lima hari.

Sekarang, Takiding hanya dijadikan sebagai barang perhiasan di rumah kerana masyarakat kini sudah menggunakan alat penyikut moden yang mudah dibeli di kedai. Jika penggunaan Takiding boleh dihidupkan semula, generasi muda akan dapat mengetahui dan memahami cara

penggunaannya dan proses pembuatannya.

Beg Rotan

Selain itu, Beg Rotan juga merupakan salah satu hasil kraf tangan yang dihasilkan daripada anyaman rotan. Rotan adalah sejenis bahan tumbuhan yang sering digunakan sebagai bahan anyaman.

Proses penyediaaan asas untuk Beg Rotan adalah bermula dari proses pemotongan dan pembuangan durinya dan kemudian dibelah mengikut ukuran yang diperlukan. Bilah-bilah rotan akan direndam ke dalam air untuk dilembutkan sebelum dianyam.

Antara usaha penggiat seni kraf Beg Rotan bagi menarik minat generasi muda adalah dengan membuat inovasi dari segi reka bentuk dan warna seperti memasukkan elemen kain. Oleh itu, penggiat perlu sentiasa peka dengan tren semasa agar dapat menghasilkan kraf yang lebih menarik dan diminati oleh kesemua lapisan masyarakat.

Di negara ini, seni anyaman masih lagi giat digunakan dalam menghasilkan barangan akan tetapi sudah jauh berkurangan jika dibandingkan dengan 30 tahun yang lalu. Sekarang, bilangan penggiat atau individu yang mahir dalam menganyam kian berkurangan memandangkan hampir kesemua mereka bergelar warga emas atau sudah tiada dan kemahiran menganyam tersebut tidak diwariskan kepada generasi penerus. Penggunaan barangan kraf tangan dari seni anyaman semakin berkurangan terutama dalam kalangan generasi muda. Walau bagaimanapun, barangan anyaman seperti Beg Rotan masih lagi relevan pada zaman moden ini kerana telah diubah suai mengikut idea dan reka bentuk yang terkini.

Jangan biarkan ia pupus

Sehubungan dengan itu, kelestarian seni anyaman ini adalah menjadi tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak termasuk pihak kerajaan dan masyarakat di

negara ini bagi mempertahankan warisan khazanah budaya material agar tidak pupus ditelan arus zaman.

Ke arah inisiatif mengkalkan warisan tradisi ini, pihak kerajaan telah menubuhkan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan pada tahun 1975. Tujuan utama penubuhan ini adalah untuk menghidupkan semula semua jenis pertukangan tempatan agar tidak mengalami kepupusan. Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan telah menawarkan kursus-kursus kemahiran termasuklah juga pertukangan emas, perak, tembaga dan kain tenunan. Dengan adanya penubuhan ini diharap akan dapat memberi pendedahan khususnya kalangan generasi muda dalam usaha untuk melestarikan khazanah tradisi ini.

Selain itu, seni anyaman ini juga perlu dipopularisasikan dan komersialisasikan agar dapat diminati oleh semua lapisan masyarakat serta meningkatkan lagi kesinambungan kewujudan budaya material dalam tradisi Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perkembangan pengeluaran kraf tangan anyaman ini adalah bergantung sepenuhnya kepada hidupnya penggunaan warisan khazanah ini dalam kalangan masyarakat di negara ini. Oleh itu, kita berharap dengan adanya usaha-usaha dari pelbagai pihak, akan dapat menaik taraf warisan khazanah material budaya yang ada di negara kita. Jika kesenian anyaman ini dibarkan, tidak mustahil suatu hari nanti seni kraf ini akan pupus dan lenyap. Hilangnya satu khazanah budaya warisan sesuatu bangsa, akan hilanglah juga daya tarikan pada para pelancong dari luar negara. Secara keseluruhannya, seni kraf tangan anyaman mempunyai peranan yang penting dalam mencerminkan dan melambangkan warisan budaya suatu bangsa dan negara.



SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME PENUNTUT



ANTARA yang menghadiri Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam (atas dan bawah).



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Awang Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik meneruskan lagi program Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam dengan berkunjung ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan khususnya bagi para penuntut Tingkatan Enam.

Seramai 184 orang penuntut menghadiri taklimat yang diadakan di Auditorium maktab berkenaan, petang tadi.

Turut hadir, Pengetua Maktab, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan, guru-guru kanan dan para tenaga pengajar.

Program antaranya bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyentuh semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan juga diharatkkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 hingga 2035.

Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat

TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak



MINDA PEMBACA

Bersama mencegah penyakit kanser

PENYAKIT kanser merupakan sejenis penyakit yang berkaitan dengan ketidakseimbangan tindak balas sel dalam badan. Ia juga adalah penyakit yang melibatkan fikiran, tubuh dan jiwa. Beremosi dan sikap selalu negatif membuatkan tubuh kita berada dalam situasi tegang, ini menyebabkan tubuh menjadi lemah dan secara tidak langsung menyuburkan sel-sel kanser. Secara umumnya, kanser terjadi disebabkan oleh gaya hidup yang dipilih. Jika kita mengamalkan gaya hidup yang sihat dan berhati-hati dengan apa yang diambil, risiko serangan dapat dikurangkan.

Antara kaedah yang boleh diperlakukan adalah mengekalkan

berat badan secara sihat dan ideal dapat mengurangkan risiko pelbagai jenis kanser, ini termasuklah kanser payudara, prostat, paru-paru, kolon serta kanser buah pinggang. Melakukan aktiviti secara fizikal juga disarankan, ini dapat mengawal berat badan secara tidak langsung.

Penggunaan tembakau sama ada dengan kaedah merokok atau kunyahan dapat meningkatkan risiko serangan kanser. Tabiat merokok biasanya akan menyebabkan terjadinya kanser paru-paru, mulut, tekak, pankreas, pundi kencing, serviks serta buah pinggang. Tabiat mengunyah tembakau pula biasanya dikaitkan dengan kanser rongga mulut serta pankreas. Pendedahan

terhadap asap rokok mungkin dapat meningkatkan risiko kanser paru-paru. Berhenti menggunakan tembakau merupakan antara bahagian yang paling penting di dalam langkah pencegahan kanser.

Selain itu, pemeriksaan kesihatan yang kerap dapat memberi petanda awal jika berlakunya serangan kanser. Rawatan yang sepatutnya dapat diberikan dengan kadar segera berbanding dengan kanser yang lambat dikesan dan sudah merebak. Rawatan seperti kemoterapi dan radioterapi biasanya akan disarankan mengikut kadar dan tahap kanser. Penggunaan herba Keladi Tikus juga boleh menjadi pelengkap bagi rawatan moden sedia ada jika rawatan moden

kurang memberi kesan atau hampir menemui kegagalan.

Kesimpulannya, mengawal pemakanan dan mengamalkan gaya hidup sihat mampu meningkatkan lagi peluang untuk pesakit sembah daripada penyakit yang boleh membawa maut ini. Slogan 'mencegah itu lebih baik daripada mengubatinya' membuktikan kita semua hendaklah bersikap positif dengan berusaha memastikan kesihatan peribadi sebelum sebarang penyakit berlaku kerana risiko untuk sembah amat tipis.

Nama: Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P: 01-107XXX (K)

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Belia Penyumbang Penting Perkembangan Kampung'. Tarikh Tutup : 8 Mac 2023
- 'Tingkatkan Aktiviti Fizikal Ke Arah Gaya Hidup Sihat'. Tarikh Tutup : 15 Mac 2023
- 'Raih Ganjaran Pahala Berganda Ramadan'. Tarikh Tutup : 22 Mac 2023

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BANGUNAN BAHARU SMSH DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN

PEMANGKU Pengetua
Menengah Sultan Hassan
Helmy bin Haji Abd. Rahman.



baharu sekolah berkenaan pada Isnin, 29 Rejab 1444H bersamaan 20 Februari 2023M.

Bangunan baharu sekolah berkenaan adalah bagi menggantikan Bangunan SMSH Bangar yang asal, yang dibina sekitar tahun 1984 dan mula digunakan pada tahun 1986.

Pemangku Pengetua SMSH, Helmy bin Haji Abd. Rahman, semasa ditemui media menzhahirkan rasa gembira dan syukur dengan pembukaan sekolah baharu berkenaan.

"Bagi mewakili pihak sekolah, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pembinaan Bangunan Baharu SMSH yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti blok pentadbiran, blok dewan serbaguna, blok bilik darjah, blok Sains, perpustakaan, padang sekolah, surau, kantin, dewan makan, tempat letak kereta, laluan beratap, tempat penurunan, pondok penjaga keselamatan, pondok pembuangan sampah, sub-stesen dan rangkaian infrastruktur.

"Saat ini sememangnya dinanti-nantikan terutama sekali oleh warga SMSH dan juga penduduk Daerah Temburong.

"Alhamdulillah, dengan adanya sekolah baharu ini, guru-guru dan pelajar-pelajar akan dapat menikmati infrastruktur pendidikan yang lebih kondusif," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan, bangunan baharu berkenaan akan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih sihat, menggalakkan pelajar untuk menumpukan perhatian dan mengambil bahagian dalam pembelajaran dan seterusnya merangsang minat serta semangat mereka untuk terus belajar.



BANGUNAN Baharu SMSH, Temburong yang terletak di Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong kini mula digunakan oleh warga sekolah berkenaan.

Bagi pengajaran pula katanya, ia melibatkan pendekatan atau strategi pengajaran guru, kemahiran guru dalam mengurus kelas dan pelbagai aktiviti pembelajaran di dalam kelas.

Harapan beliau agar sekolah tersebut akan dapat merealisasikan visi sekolah untuk membentuk generasi masa depan yang siap siaga, iaitu mempersiapkan pelajar dengan kemahiran Abad Ke-21 dan kemahiran teknologi untuk membantu pelajar-pelajar berkembang dan dapat mengharungi cabaran-cabaran baharu.

"Mudah-mudahan dengan tercapainya visi sekolah ini, hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pendidikan yang berkualiti dan bangsa yang dinamik juga akan tercapai dan seterusnya akan dapat menjayakan Wawasan Brunei 2035.

"Selain itu, saya juga berharap sekolah akan memperoleh pencapaian yang cemerlang sama ada dari segi akademik dan juga aktiviti luar sekolah," katanya.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pengetua Pentadbiran SMSH, Ziad bin Haji Kula berkata, dengan terbinanya bangunan baharu berkenaan, para pelajar diharapkan akan dapat belajar bersungguh-sungguh dan mempertingkatkan lagi pencapaian akademik mereka, manakala guru-guru akan bekerja lebih keras lagi demi mencapai kecemerlangan sekolah berkenaan.

Dengan adanya pelbagai fasiliti yang ada pada masa ini jelasnya,

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

diharapkan akan dapat menyumbang kepada peningkatan pelbagai aktiviti dan juga pembelajaran para pelajar supaya mereka dapat bersiap siaga menghadapi pelbagai cabaran dalam bentuk mental dan juga membina sahsiah mereka.

Manakala, para guru dan pelajar SMSH rata-rata meluahkan rasa gembira dan teruja, di samping merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah DYMM atas pembinaan bangunan baharu sekolah berkenaan.

Salah seorang Tenaga Pengajar SMSH, Hajah Nor Siti Aimi Hamizah binti Haji Abd. Manaf menitipkan harapan agar bangunan baharu berkenaan akan memberikan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan kondusif, selain guru-guru juga dapat melaksanakan kemahiran pembelajaran Abad Ke-21 (21st Century learning skill).

Salah seorang pelajar Tahun 11A, Lim Wen Long@William pula memberitahu, terdapat perbezaan antara bangunan lama sekolah berkenaan dengan yang baharu terutamanya dari segi keluasan dan kemudahan yang disediakan.

"Saya berharap belajar di bangunan sekolah yang baharu ini akan meningkatkan prestasi akademik saya serta menjadikan saya pelajar yang lebih baik dan bermotivasi," terangnya.



TENAGA Pengajar SMSH, Hajah Nor Siti Aimi Hamizah binti Haji Abd. Manaf.

Menurut Dayangku Rabiatul Adawiyah binti Pengiran Batawi, pelajar Tahun 10A, bangunan sekolah yang baharu berkenaan lebih memudahkan pergerakan para pelajar, dan dewan yang luas membolehkan para pelajar berkumpul bagi menjalankan pelbagai aktiviti sekolah.

"Saya berharap agar semua pelajar di sekolah ini dapat menjaga serta menggunakan peralatan dan kemudahan yang disediakan di sekolah ini dengan baik," katanya.

Pada masa ini, Bangunan Baharu SMSH menempatkan seramai 714 pelajar, 80 tenaga pengajar dan 16 tenaga sokongan.

Projek pembinaan semula sekolah berkenaan adalah selaras dengan rancangan jangka panjang dan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang lebih kondusif dan berkualiti melalui pelan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11.

TEMBURONG, Isnin, 6 Mac. - Kementerian Pendidikan ingin mengumumkan bahawa Bangunan Baharu Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Temburong yang terletak di Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong kini mula digunakan oleh warga sekolah berkenaan bermula pada Rabu, 8 Syaaban 1444H bersamaan 1 Mac 2023M, susulan daripada Majlis Penyerahan Kunci bagi bangunan



PEMANGKU Timbalan Pengetua Pentadbiran SMSH, Ziad bin Haji Kula.



ANTARA pelajar mengikuti sesi pembelajaran.



PELAJAR Tahun 11A, Lim Wen Long @ William dan Dayangku Rabiatul Adawiyah binti Pengiran Batawi, pelajar Tahun 10A (kiri sekali dan kiri).

THAILAND BIMBANG PENINGKATAN OBESITI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

BANGKOK, 7 Mac. - Hampir 10 peratus kanak-kanak di Thailand mengalami obesiti dan situasi ini dijangka menjadi lebih teruk andai ibu bapa dan guru gagal meningkatkan kesedaran mengenai pemakanan dalam kalangan golongan muda, menurut Kementerian Kesihatan.

Pusat Data Kesihatan

Kementerian menyatakan bahawa sebanyak 9.1 peratus kanak-kanak berumur 0 hingga 5 tahun mempunyai berat badan berlebihan, manakala 13.4 peratus melibatkan mereka yang berumur 6 hingga 14 tahun dan 13.2 peratus dalam kalangan yang berumur 15 hingga 18 tahun, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Persekutuan Obesiti Sedunia meramalkan bahawa kadar obesiti dalam kalangan kanak-kanak dijangka meningkat dua kali ganda antara 2020 dan 2035.

Laporan mengenai diet kanak-kanak Thailand mendapati satu pertiga mengambil makanan ringan dan minuman manis setiap hari dan hampir 30 peratus bebas

memilih makanan berdasarkan pilihannya.

Ketua Jabatan Kesihatan Dr Suwannachai Wattanayangcharoenchai berkata anak muda mudah terdedah kepada makanan yang mengandungi kandungan lemak, gula dan garam yang tidak sihat.



Beliau mencadangkan ibu bapa dan sekolah harus mendidik mereka cara untuk memilih makanan dan memupuk kesedaran mengenai kesan buruk diet yang tidak sihat kepada kesihatan. - ©BERNAMA

Lelaki ditahan kerana cuba buka pintu kecemasan pesawat semasa penerbangan ke Boston

WASHINGTON, 7 Mac. - Seorang lelaki dari Massachusetts ditahan dan didakwa kerana membuka pintu kecemasan semasa penerbangan dari Los Angeles ke Boston, lapor Sputnik.

Francisco Severo Torres, 33, juga didakwa cuba menikam seorang pramugari dan ditahan

pada petang Ahad di Lapangan Terbang Antarabangsa Logan di Boston selepas juruterbang pesawat United Airlines membuat pendaratan cemas.

Dia akan didakwa atas pertuduhan cubaan mengganggu anggota kru penerbangan dengan menggunakan senjata berbahaya, menurut kenyataan

Pejabat Peguam Daerah Massachusetts.

Perbicaraan dijadualkan pada 9 Mac.

Jika disabitkan bersalah, Torres berdepan hukuman penjar seumur hidup, lima tahun pembebasan dalam pengawasan dan denda AS\$250,000. - ©BERNAMA

Sebahagian kedai serbaneka Amazon Go di AS bakal ditutup

SAN FRANCISCO, 7 Mac. - Amazon mengumumkan syarikat itu akan menutup beberapa kedai serbaneka Amazon Go di Amerika Syarikat (AS).

"Seperti mana peruncit fizikal yang lain, kami juga telah menilai portfolio kedai kami secara berkala dan membuat keputusan untuk mengambil langkah pengoptimuman."

"Dalam kes ini, kami telah memutuskan untuk menutup sebilangan kecil kedai Amazon Go di Seattle, New York City dan San

Francisco. Kami tetap komited dengan format Amazon Go yang telah mengendalikan lebih daripada 20 kedai di seluruh AS dan akan terus mengkaji lokasi dan ciri yang paling sesuai dengan pelanggan sambil terus mengembangkan kedai Amazon Go kami," lapor Xinhua memetik kenyataan syarikat itu.

Dengan penutupan empat kedai itu di San Francisco pada 1 April, Amazon akan menutup semua kedai fizikalnya di Bay Area, menurut laporan San Francisco

Chronicle.

Kedai pertama Amazon Go mula dibuka kepada orang ramai pada 2018 yang membolehkan pembeli membayar secara automatik melalui telefon pintar.

Tahun lepas, syarikat itu memaklumkan bahawa ia akan menutup lebih daripada 50 kedai runcit fizikalnya.

Awal tahun ini pula Amazon mengumumkan rancangan pemberhentian yang akan menjelaskan 18,000 pekerja. - ©BERNAMA

Vietnam anjur ekspo perdagangan terbesar pada April

HANOI, 6 Mac. - Pameran perdagangan terbesar di Asia Tenggara, Ekspo Vietnam 2023 akan diadakan di Hanoi dari 5 hingga 8 April yang menyaksikan penyertaan dari 15 negara dan wilayah, lapor Xinhua.

Diadakan setiap tahun sejak 1991, ekspo itu telah menjadi platform untuk perniagaan Vietnam

mempromosikan dan memperkenalkan produk selain mempromosi perdagangan global.

Pameran tahun ini akan menarik lebih 500 syarikat dari 15 negara dan wilayah, menurut pihak penganjur Vinexad Company.

Acara itu akan melibatkan syarikat daripada pelbagai industri

termasuk elektronik, mesin, peralatan dan industri sokongan, teknologi digital dan e-dagang.

Turut terdapat pavilion antarabangsa yang mempamerkan produk dan perkhidmatan dari negara termasuk China, Kemboja, Indonesia dan Korea Selatan. - ©BERNAMA

Kerajaan Korea Selatan semak masa bekerja untuk beri lebih fleksibiliti

SEOUL, 6 Mac. - Kerajaan Korea Selatan mengumumkan langkah untuk memperbaharu sistem 52 jam kerja seminggu dengan memberi lebih fleksibiliti dan pilihan dalam waktu bekerja.

Di bawah sistem yang diperkenalkan pada 2018, majikan mesti mengehadkan kerja lebih masa kepada 12 jam seminggu untuk memastikan jumlah jam bekerja kekal 52, lapor Agensi Berita Yonhap.

Semakan itu antara lain akan menjamin tempoh rehat berturut-turut selama 11 jam antara

setiap hari bekerja dan untuk membolehkan syarikat meningkatkan jam bekerja mingguan maksimum kepada 69 sambil mengekalkan purata had kerja 52 jam.

Kerajaan juga akan menerima pakai sistem sabatical baharu dengan pekerja boleh menjimatkan tempoh kerja lebih masa sebagai hari cuti bergaji supaya ia boleh digunakan berturut-turut dengan hari cuti bergaji tahunan.

Keputusan fleksibiliti itu hendaklah diterima pakai atas persetujuan antara buruh dan

pengurusan setiap syarikat.

"(Pelan itu) akan memberi manfaat kepada pekerja dengan pelbagai sistem waktu bekerja seperti empat hari seminggu bekerja dan satu bulan sabatical, sambil membantu syarikat dalam menguruskan tenaga kerja mereka," kata Menteri Buruh Lee Jeong Sik pada taklimat akbar.

Orang ramai mempunyai tempoh 40 hari untuk mengemukakan pendapat mereka mengenai semakan itu sebelum ia dibawa ke Dewan Negara untuk kelulusan pada Jun-Julai. - ©BERNAMA

Presiden COP28 gesa industri minyak dan gas tingkatkan peranan tangani cabaran iklim

HOUSTON (AS), 7 Mac. - Presiden COP28 Emiriah Arab Bersatu (UAE) Sultan Al Jaber berkata industri minyak dan gas perlu mempertingkatkan peranan dalam menangani dan menghadapi cabaran iklim.

"Selain semua industri, sektor minyak dan gas juga perlu mempertingkatkan peranan, melakukan lebih banyak dan lebih pantas," kata Al Jaber dalam ucaptama di forum tenaga global CERAWeek, yang diadakan di bandar Houston, Amerika Syarikat (AS) pada Isnin, lapor Xinhua.

Sesi ke-28 Persidangan Pihak-pihak (COP28) Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim akan diadakan di Dubai pada akhir tahun ini.

Persidangan itu antara lain dijangka membincangkan mengenai penilaian komprehensif kemajuan terhadap matlamat iklim.

"Hanya separuh daripada industri telah mengisyiharkan skop 1 dan 2 matlamat sifar bersih menjelang 2050. Semua orang dalam industri perlu sejahtera dengan matlamat yang sama."

"Dengan insentif, teknologi, pemikiran dan model perkongsian yang betul, industri minyak dan gas mempunyai kapasiti dan sumber untuk membantu semua orang menangani skop 3," kata Al Jaber.

Beliau berkata menjelang 2030, kapasiti tenaga boleh diperbaharu perlu meningkat tiga kali ganda. - ©BERNAMA

Lebih 80 peratus rakyat Perancis dapati tiket Olimpik Paris 2024 terlalu mahal

ATHENS, 6 Mac. - Sebilangan besar rakyat Perancis berpendapat harga tiket untuk Sukan Olimpik Paris 2024 terlalu mahal, menurut satu tinjauan.

Kira-kira 82 peratus daripada responden mengatakan harga tiket untuk acara itu sukar untuk dibeli atas faktor harga, lapor Agensi Anadolu memetik tinjauan oleh kumpulan Odoxa.

Sementara itu, 79 peratus responden berpendapat bahawa mendapatkan tempat duduk untuk acara dan perlawanan terlalu rumit.

Namun, 69 peratus lagi responden masih menyokong penganjuran Sukan Olimpik dan 65 peratus berpendapat sukan itu akan menyumbang secara positif kepada ekonomi Perancis.

Sebanyak 72 peratus daripada responden menyokong penyertaan atlet Rusia dengan lebih 40 peratus memilih mereka perlu bertanding di bawah bendera neutral. - ©BERNAMA

Presiden Joe Biden tidak akan jalani ujian kecekapan - Jill Biden

WASHINGTON, 6 Mac. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden tidak akan menjalani ujian kecekapan mental dan menganggap idea agar ahli politik berusia lebih 75 tahun itu menjalani ujian berkenaan sebagai "tidak masuk akal", kata Jill Biden.

Pada Februari, bekas Duta AS ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Nikki Haley mengumumkan pencalonannya untuk bertanding pada pemilihan presiden 2024.

Dalam ucapannya beliau telah mencadangkan agar Biden menjalani ujian kompetensi.

"Tidak masuk akal... Kami tidak akan pernah membincangkan perkara seperti itu," kata Jill Biden sebagai mengulas sama ada suaminya akan mempertimbangkan untuk mengambil ujian itu andai dipilih semula pada 2024, lapor Sputnik.

Biden yang mencecah usia 80 pada November 2022 menjadi pemimpin tertua yang dipilih sebagai presiden dan mengangkat sumpah jawatan pada usia 78 tahun.

Jika Biden berhasrat untuk dipilih semula pada 2024 beliau akan berusia 86 tahun sebelum melengkapkan penggal kedua sebagai presiden.

Presiden sebelum ini dilaporkan berkata beliau akan berterus terang dengan rakyat Amerika jika mempunyai sebarang masalah kesihatan. - ©BERNAMA



CUNGKIL BAKAT SUKAN BADMINTON KALANGAN ANAK MURID



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Kementerian Pendidikan, melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, hari ini, mengadakan Pertandingan Peringkat Akhir Festival Badminton Sekolah-sekolah

Rendah Kerajaan dan Swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan bagi Tahun 2023 di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, di sini.

Pasukan Sekolah Rendah Panglima Badarudin Limau Manis membuktikan

kehebatan bermain di gelanggang bulu tangkis sekali gus meraih juara setelah menundukkan pasukan dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong.

Manakala, Sekolah Rendah Sengkurong

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmad
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

dan Sekolah Cemerlang Abejees berkongsi kedudukan di tempat ketiga bersama.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Festival ini merupakan anjuran Kementerian Pendidikan, melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang telah berlangsung selama lima hari bermula dari 1 hingga 7 Mac 2023. Sebanyak 30 buah sekolah rendah dari seluruh negara telah menyertai festival yang julung kali diadakan ini.

Tujuan festival diadakan antaranya untuk mencungkil bakat serta mengembangkan potensi murid-murid di sekolah rendah dalam permainan badminton.

Di samping itu, ia juga merupakan platform bagi mengenal pasti murid-murid yang berpotensi tinggi dalam permainan badminton bagi persediaan awal untuk mewakili negara dalam acara sukan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Perkenalkan trek riadah Kampung Bukit Beruang



ANTARA pemenang bergambar ramai pada Bear Hill Ultra Trail (BHUT) Brunei Loop Siri Pertama yang diadakan di Kampung Bukit Beruang, Tutong.

Berita dan Foto : Ihsan Bear Hill Ultra Trail Brunei Loop

TUTONG, Isnin, 6 Mac. - Seramai 100 peserta mengambil bahagian pada Bear Hill Ultra Trail (BHUT) Brunei Loop Siri Pertama yang diadakan di Kampung Bukit Beruang, Tutong.

Turut menyertai larian bukit berkenaan adalah peserta dari luar negara seramai lapan orang.

Sebanyak sembilan kategori dipertandingkan, iaitu empat kategori bagi larian sejauh 30 kilometer; dan lima kategori bagi larian sejauh 50km.

Adapun tujuan pertandingan larian bukit berkenaan diadakan adalah sebagai

acara penutup sebelum kedatangan bulan Ramadan selain memperkenalkan lagi trek riadah di Kampung Bukit Beruang kepada orang ramai.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para peserta ialah Pengurus BHUT, Aqzi Heng binti Haji Md. Affandi.

Turut hadir pada acara berkenaan ialah Ketua Kampung Bukit Beruang, Awang Moksin bin Haji Moktar dan Md. Shahrop Redhwan bin Haji Md. Yussof, iaitu wakil menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Turut bekerjasama dan menyokong acara berkenaan ialah Jack's, GymBro's Kitchen, Milo Penanjong, Burn Calories, Tripple 2 Cornes, Nur Fusun dan Montob Runner Sabar.

NSFC perlu 10 tahun lagi untuk jadi pasukan berintensiti tinggi

SEREMBAN, 7 Mac. - Skuad bola sepak Negeri Sembilan FC (NSFC) memerlukan 10 tahun lagi untuk menyaangi pasukan berintensiti tinggi seperti Johor Darul Ta'zim (JDT), kata Ketua Jurulatih K. Devan.

Mengakui kualiti pemain pasukan Harimau Selatan itu jauh berbeza dengan pasukan baharu ditubuhkan dalam tiga tahun ini, beliau menyifatkan kekalahan besar NSFC dengan keputusan 7-0 dalam perlawanan Liga Super malam tadi memberi isyarat jelas bahawa banyak perkara perlu dilakukan bagi menyediakan pasukan yang mantap.

"Kita tahu JDT merupakan satu pasukan terbaik dalam negara. Kalau dibandingkan kualiti pasukan kita, jauh berbeza (dan) kita nampak jurang kualiti pemain."

"NSFC baru ditubuhkan dalam tempoh tiga tahun dan kita dalam proses untuk membentuk pasukan yang kuat, ia memerlukan masa...kalau kita mahu setanding dengan mereka, saya fikir pasukan perlu 10 tahun lagi," katanya kepada pemberita selepas tamat perlawanan malam tadi.

Pada perlawanan malam tadi, JDT yang juara Liga Super sembilan kali berturut-turut berpesta gol apabila membelaah Skuad Hobin 7-0 pada aksi Liga Super di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi, di sini.

Devan bagaimanapun berkata, pasukan masih mempunyai masa untuk mengutip mata maksimum pada perlawanan Liga Super musim ini dan untuk itu, adalah menjadi tumpuan untuk memastikan

pemain dapat beraksi dengan lebih cergas dan mempunyai persiapan mantap sebelum beraksi.

"NSFC perlu beraksi tiga perlawanan dalam sembilan hari, skuad pula tidak besar seperti JDT untuk membuat pertukaran pemain dan kita tidak menjalani perlawanan pramusim yang baik. Kebanyakan pemain import datang lewat, pemain kuota import tidak mencukupi, dan hari ini (malam tadi) turun dengan bukan pasukan utama."

"Saya nampak pasukan lemah, separuh masa pertama, kita masih boleh bersaing tetapi babak kedua nampak kelebihan pemain JDT lebih segar, cukup tenaga, intensiti tempo permainan JDT pantas, kita tidak dapat menyaangi tempo pasukan JDT," katanya.

Sementara itu, pengendali JDT Esteban Solari menzhirkir rasa bangga dengan prestasi pemainnya yang mencatat kemenangan besar, sekali gus meletakkan juara bertahan itu mendahului carta Liga Super setakat ini.

Beliau berkata fokus utamanya adalah memastikan para pemain memamerkan kualiti permainan yang lebih baik dalam setiap perlawanan.

"Sudah tentu kami gembira dengan keputusan, pasukan telah melakukan tugas dengan baik. Pasukan tahu bagaimana untuk bermain, percaya dengan kualiti. Pada saya, kemenangan ini adalah hadiah buat para pemain, saya gembira untuk mereka," katanya.- ©BERNAMA